

Menerajui Transformasi Perniagaan
Pioneering Business Transformation



LAPORAN
TAHUNAN
ANNUAL REPORT

2016

www.smecorp.gov.my

Menerajui Transformasi Perniagaan




LAPORAN
TAHUNAN
2016
www.smecorp.gov.my

PERISTIWA PENTING MENUJU TRANSFORMASI

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ditubuhkan pada 2 Mei 1996 di bawah MITI untuk membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) agar berdaya saing di pasaran global.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah ditubuhkan sebagai badan penggubal dasar tertinggi untuk pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia telah dilantik sebagai Sekretariat kepada MPPK.



SMIDEC secara rasmi
dijenamakan semula sebagai
Perbadanan Perusahaan Kecil dan
Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)
pada 2 Oktober 2009.

Rangka Kerja Strategik
SME Corp. Malaysia
(2010-2015) telah dilancarkan.

Pelan Strategik Perniagaan
SME Corp. Malaysia (2016-2020)
telah dilancarkan.

dan seterusnya...

2009

2010


2012

2016

2020

Pelan Induk PKS (2012-2020) telah
dilancarkan sebagai pemangkin bagi
memacu PKS mencapai Wawasan 2020.

SEKILAS FAKTA



68

Pakar

Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP)

Pelan Induk
PKS
(2012-2020)

6 Program Berimpak Tinggi (HIP)

154

Program Pembangunan PKS

RM7.95 billion dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi, serta memanfaatkan 529,390 PKS

Pusat Rujukan Setempat (ORC)

Terdapat di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia dan 12 Pejabat Negeri

19

Mesyuarat Kerjasama Antarabangsa

Mewakili Malaysia dalam forum serantau dan antarabangsa



FALSAFAH KORPORAT

Lambang tiga garisan seperti anak panah menunjukkan kesinambungan peranan SME Corp. Malaysia dalam menyokong dan membangunkan PKS. Garisan seperti anak panah yang bergerak ke atas, menggambarkan SME Corp. Malaysia sebagai sebuah entiti yang dinamik, berpandangan ke hadapan dan berjaya.

Warna biru kehijauan, kelabu dan merah lembayung memaparkan sebuah organisasi yang moden, inovatif dan dinamik. Perkataan 'SME Corp. Malaysia' menggunakan fon italik sebagai simbol progresif dan berfikiran maju ke hadapan.

VISI

Organisasi utama menerajui pembangunan PKS yang progresif bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

MISI

Menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, berinovasi serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang berkesan.

Kandungan

KENYATAAN Pengerusi

8

MESEJ KETUA Eksekutif

12

MAKLUMAT KORPORAT

16

- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)
- Tadbir Urus Korporat: Jawatankuasa dan Panel Perbadanan
- Struktur Organisasi
- Ahli Perbadanan
- Pengurusan Kanan
- Pejabat Negeri

TINJAUAN PERKEMBANGAN DAN PROSPEK PKS

34

- Pertumbuhan dan Prestasi PKS pada 2016
- Program Pembangunan PKS pada 2016
- Pelan Induk PKS (2012-2020)
- Prospek PKS pada 2017 dan Selanjutnya

PROGRAM DAN INISIATIF TERAS

44

- Penarafan Daya Saing
- Pembangunan Kapasiti
- Akses kepada Pembiayaan
- Akses Pasaran
- Pembangunan Jenama-PKS
- Teknologi dan Inovasi
- Pembangunan Keusahawanan Bumiputera
- Capaian
- Anugerah dan Pengiktirafan
- Pembangunan Keusahawanan Wanita
- Kerjasama Antarabangsa

LAPORAN KEWANGAN

78

“ Komuniti usahawan di Malaysia yang semakin berkembang - baik usahawan muda yang sedang menempa nama mahupun pemimpin perniagaan berpengalaman, benar-benar memberi inspirasi. Mereka penuh bertenaga; melahirkan idea yang menarik; mempelopori inovasi yang dipasarkan dengan pantas; serta merentasi sempadan perdagangan yang kini semakin lenyap; dan tidak lama lagi, PKS Malaysia bakal menjadi perniagaan yang berdaya saing di peringkat global. Pelan Induk PKS menetapkan hala tuju bagi PKS dan pembangunannya yang mampan, dengan adanya dasar dan program progresif, serta kepimpinan cemerlang institusi peneraju seperti SME Corp. Malaysia, yang memainkan peranan penting dalam usaha memangkinkan pertumbuhan kelompok penting PKS yang berpotensi besar. ”



Kenyataan Pengerusi

“Ia tidak kenal henti - cabaran sentiasa timbul daripada pasaran yang dinamik, dengan dasar baharu, kuasa baharu, dan turut tidak terelak, peraturan permainan baharu. Apa yang mengujakan ialah PKS Malaysia kekal tangkas, berinovatif dan berdaya saing untuk mencari penyelesaian baharu dan mengubah cabaran menjadi peluang pertumbuhan. Pada 2016, PKS meneruskan usaha mereka dengan penuh tekad, dengan tumpuan jelas pada trend dan cabaran masa hadapan, dan dipacu iltizam yang lebih kental menuju kejayaan.”

Tahun 2016 adalah tahun penting bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Ianya menandakan permulaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) (2016-2020), sekali gus menetapkan momentum untuk fasa menguji seterusnya dalam pembangunan negara - iaitu tahap terakhir ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Dengan tumpuan untuk memberi impak yang tinggi terhadap kedua-dua ekonomi modal dan ekonomi rakyat, RMKe-11 menekankan lagi komitmen Kerajaan dalam memastikan pembangunan PKS terus menjadi agenda utama negara bagi memacu transformasi Malaysia menjadi negara maju dan inklusif.

Dengan daya dorongan lebih bertenaga dan tahap kefahaman lebih tinggi yang diperolehi daripada pengalaman dan prestasi lepas, kami melangkah ke hadapan dengan semangat lebih tersusun, keazaman padu dan penuh rasa tanggungjawab dalam menerajui perjuangan yang semakin memuncak untuk membantu PKS Malaysia. Saya dengan bangganya mengemukakan Laporan Tahunan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2016.

PKS - Melambangkan Ketahanan dan Ketangkasan

Walaupun terus berhadapan dengan cabaran dalam dan luar negara yang melanda sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PKS di Malaysia kekal berdaya tahan dan tangkas, cecal melangkah maju dalam usaha mereka ke arah pertumbuhan dan pengembangan di peringkat tempatan, serantau dan global. Peranan penting PKS sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi jelas digambarkan oleh hakikat bahawa PKS merupakan 98.5% daripada sejumlah 920,624 pertubuhan perniagaan di negara ini. Oleh itu, usaha bersepadu untuk membangunkan PKS yang mampan adalah amat perlu bagi membantu mencapai wawasan Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pencapaian Progresif di Sebalik Cabaran

Tahun 2016 merupakan satu lagi tempoh pertumbuhan sederhana bagi PKS di Malaysia, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.2%. Ianya adalah satu kadar pertumbuhan yang mampan dan baik untuk tahun yang mencabar, akibat kelembapan berterusan dalam ekonomi global yang disebabkan oleh ketidakpastian dalam pasaran global, permintaan agregat yang lemah, harga komoditi yang rendah dan pasaran kewangan yang tidak menentu dalam ekonomi utama. KDNK PKS yang patut dipuji ini, yang dikukuhkan oleh permintaan dalam negara yang baik dan dasar kerajaan yang menyokong PKS, telah mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara sebanyak 4.2% pada tahun 2016, di mana ia merupakan satu prestasi luar biasa selama lebih satu dekad.

Walaupun keadaan persekitaran ekonomi lembab, PKS tetap cecal dengan menyumbang 36.6% kepada keseluruhan KDNK Malaysia, 65.3% kepada keseluruhan pekerjaan dan 18.6% kepada keseluruhan eksport. Ianya merupakan satu pencapaian yang terhasil ekoran perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan aktiviti pelancongan.

Pada tahun 2016, dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM7.95 bilion, sebanyak 154 program pembangunan PKS

telah dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi. Ianya mengatasi sasaran 152 program yang telah dirancang untuk tahun berkenaan dan mencatat prestasi pencapaian sebanyak 101.3%. Secara keseluruhannya, inisiatif ini telah membantu 529,390 PKS. Daripada jumlah tersebut, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan 11 program bernilai RM145.19 juta yang telah memberi manfaat kepada 3,615 PKS.

Pelan Hala Tuju Strategik untuk Pembangunan PKS

Dirangka sebagai strategi menyeluruh bagi inisiatif PKS, Pelan Induk PKS (2012-2020) merupakan asas dalam pelaksanaan program pembangunan PKS, dengan memberi tumpuan kepada 4 bidang utama, iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman. Melangkah ke hadapan di bawah RMKe-11, tumpuan adalah untuk mempergiatkan pelaksanaan Pelan Induk, khususnya 6 Program Berimpak Tinggi (HIP), bertujuan untuk mencapai sasaran makro yang ditetapkan khusus bagi meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi, iaitu KDNK kepada 41%, guna tenaga kepada 65% and 23% kepada eksport menjelang 2020. Sukacita dinyatakan bahawa 5 HIP telah menunjukkan kesan lebih ketara dengan mencatat pencapaian amat baik pada tahun 2016, bersedia untuk membantu melonjakkan Malaysia menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Peluang Pertumbuhan Baharu dan Menerima Perubahan untuk Kemampanan

Selaku Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), SME Corp. Malaysia gigih berusaha bagi memastikan dasar pembangunan PKS, rangka kerja institusi, mekanisme dan institusi sokongan perniagaan tersedia dan mudah diakses bagi menyokong pertumbuhan mampan PKS. Bertindak sebagai

Agensi Penyelaras Pusat untuk pembangunan PKS, kami terus giat melaksanakan peranan Kerajaan menerusi pelbagai Kementerian dan Agensi, serta menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dalam melaksanakan dasar, program dan inisiatif pembangunan PKS.

Industry 4.0

Sejajar dengan aspirasi Kerajaan, kami tekad dalam usaha memangkinkan PKS untuk merebut peluang pertumbuhan baharu yang melimpah dengan kemunculan trend-trend mega yang kini mengubah landskap perniagaan secara radikal pada skala global. *Industry 4.0*, khususnya, adalah revolusi teknologi yang akan membantu mengangkat prestasi industri dengan meningkatkan kecekapan, produktiviti, pulangan pelaburan, tumpuan teknologi dan penerapan trend lain.

PKS harus menerima perubahan yang bakal berlaku hasil daripada impak global *Industry 4.0*. PKS perlu menyesuaikan diri dengan cara baharu menjalankan perniagaan menerusi penyelesaian eDagang, platform pemasaran digital, penggunaan media sosial, automasi, serta pengurusan teknologi, sistem dan proses baru muncul, yang pasti akan wujud disebabkan oleh pendigitalan perniagaan.

eDagang dan Prospek dalam Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ)

Pembangunan PKS akan terus menjadi tumpuan utama di bawah agenda transformasi digital Malaysia. Menyedari impak eDagang yang pesat berkembang secara global dan kepentingannya yang semakin besar kepada ekonomi negara, Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pertumbuhan eDagang melalui pembentukan Majlis eDagang Kebangsaan (NeCC) dan perumusan Pelan Strategik eDagang Nasional (NeSR), yang bertujuan untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang Malaysia agar mencapai sumbangan kepada KDNK sebanyak RM211 bilion menjelang 2020.

Bidang Utama 1 di bawah NeSR, yang diterajui oleh SME Corp Malaysia, bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran PKS mengenai potensi manfaat eDagang, menggalakkan penyertaan dan melengkapi PKS dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, serta memberi sokongan kepada PKS dalam mengguna pakai platform baharu.

Pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) tidak lama lagi, yang bertujuan untuk memanfaatkan pertembungan dan pertumbuhan

pesat ekonomi internet dan aktiviti eDagang rentas sempadan, akan tertumpu kepada penyediaan platform moden dan terkini untuk PKS menjalankan perniagaan. Inisiatif paling menguja ini akan menokok tambah eksport eDagang PKS dengan besar yang mana akan meningkatkan lagi pertumbuhan PKS.

Perkembangan dan Insentif Baharu bagi Menyokong Ekosistem Keusahawanan Dinamik

Pelbagai perkembangan dan insentif utama yang akan dilaksanakan pada 2017 dan tahun-tahun selanjutnya dijangka akan memperkukuhkan kapasiti dan keupayaan PKS, lantas mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih kukuh dan bertenaga. Antaranya adalah pengurangan cukai korporat kepada 18%; pendigitalan PKS; pemformalan Akta PKS; pelaksanaan dasar perolehan Kerajaan untuk PKS; penyediaan platform pembiayaan alternatif termasuk Pendanaan Masyarakat berasaskan Ekuiti (ECF) dan Peminjaman antara Rakan Setara (P2P); kajian semula Akta Kebankrapan; serta pewujudan *Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP) Market* iaitu pasaran tertutup untuk PKS di Bursa Malaysia.

Prospek PKS pada 2017 dan Selanjutnya

Kerajaan kekal komited kepada pembangunan PKS di mana sejumlah RM5.85 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan 169 program pembangunan PKS pada 2017, yang bertujuan untuk meningkatkan lagi prestasi PKS. Tumpuan akan diberi kepada keperluan jangka pendek PKS bagi mengurangkan kesan cabaran ekonomi semasa, serta usaha menyokong pembangunan jangka panjang dan kemampuan PKS.

Dengan matlamat untuk mempercepatkan pencapaian sasaran makro di bawah Pelan Induk, Kerajaan secara progresif mengguna pakai strategi yang seiring dengan *Industry 4.0*. Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih banyak PKS global berpertumbuhan tinggi dan berinovatif menerusi bantuan khusus dalam bidang automasi, pendigitalan dan perobotan.

Mara ke hadapan, pertumbuhan KDNK PKS dijangka meningkat pada tahun 2017, iaitu lebih tinggi daripada unjuran pertumbuhan awal di antara 5.5% dan 6.0%, berkemungkinan pada kadar 6% atau lebih. Ianya disokong oleh permintaan dalam negara dan pengukuhan dalam pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan dan bakal memberi kesan positif ke atas eksport. Pertumbuhan yang dijangka lebih tinggi ini menunjukkan peningkatan keupayaan PKS dalam mengembangkan perniagaan, menyampaikan nilai tambah yang

lebih besar ke pasaran global dan menjana pertumbuhan guna tenaga yang lebih tinggi.

Pada 2017 dan tahun-tahun selanjutnya, SME Corp. Malaysia akan terus memikul tanggungjawab lebih besar dalam memastikan pertumbuhan dan kemampuan PKS. Kami berazam teguh dalam menunaikan ikrar kami untuk memperkasakan kelompok penting PKS dengan kaedah, dasar dan penyelesaian yang tepat bagi menganjukkan pembangunan PKS sebagai satu kuasa pendorong yang akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju. Ini juga seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi antara negara paling unggul dalam pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja 'Transformasi Nasional 2050' (TN50).

Penghargaan

Saya ingin mengambil peluang istimewa ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ahli Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dan Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia di atas sokongan padu mereka kepada SME Corp. Malaysia. Saya turut berbangga dengan komitmen dan usaha gigih rakan strategik, kakitangan berdedikasi serta pasukan pengurusan di atas kepimpinan berinspirasi mereka, yang mana telah menyumbang kepada tahun 2016 yang produktif.

**TAN SRI IR. (DR.) MOHAMED AL AMIN
ABDUL MAJID**

Pengerusi, SME Corp. Malaysia

“ Jika ditinjau satu aspek pertumbuhan yang telah dicapai secara konsisten dan positif dalam tempoh 5 tahun lepas, ianya adalah pembangunan PKS. Kami bukan sahaja telah menangani isu kritikal berkaitan pembiayaan, akses pasaran dan pembangunan kapasiti PKS, tetapi kami juga telah merangka dasar yang dijangka membuah hasil di peringkat pelaksanaan. Pelbagai Kementerian dan Agensi yang memacu pembangunan PKS, bersama SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat, telah menunjukkan komitmen kukuh untuk terus menambah baik pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang tertumpu kepada PKS. Saya juga memuji usaha PKS menyahut seruan Kerajaan serta menunjukkan minat dan kesungguhan yang sehaluan demi meningkatkan pertumbuhan. ”



Mesej Ketua Eksekutif

“Dengan kemunculan kuasa dan trend baharu global yang mempengaruhi ekonomi dan perniagaan, adalah penting bagi PKS untuk bangun menangani cabaran yang semakin meningkat di pasaran. PKS mesti membebaskan diri daripada norma dengan bertindak bijak, mencari kaedah kreatif dan idea berdaya cipta bagi meningkatkan produktiviti dan inovasi, dan beralih dari pendekatan tradisional ke penyelesaian yang sesuai untuk masa hadapan. Pada 2016, usaha kami di SME Corp. Malaysia adalah memacu PKS untuk berkembang dengan mempelajari pengetahuan baharu, mentransformasi minda dan menerajui pembaharuan bagi mencapai pertumbuhan baharu dan mampan.”

PKS di Malaysia mencatatkan prestasi sederhana tetapi membanggakan pada tahun 2016, meskipun berhadapan dengan keadaan ekonomi dalam dan luar negara yang mencabar. PKS telah menunjukkan daya tahan dan keazaman yang luar biasa, berusaha gigih seiring dengan hala tuju berlandaskan keutamaan negara, serta menyertai inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan dengan penuh semangat. PKS telah mengekalkan momentum pertumbuhan sepanjang perjalanan mereka pada 2016, giat berusaha menangani cabaran dan menerima pembaharuan.

Tahun 2016 adalah tempoh penting bagi memperengkap dan mendorong kelompok penting PKS untuk merebut peluang pertumbuhan baharu di peringkat tempatan, serantau dan global. Dengan matlamat memampakan PKS sebagai faktor pendorong usaha SME Corp. Malaysia, tumpuan kami adalah untuk mewujudkan prospek pertumbuhan PKS dengan meningkatkan produktiviti menerusi pengembangan sumber, amalan terbaik perniagaan, teknologi terkini, serta pengetahuan, idea dan pendekatan berinovatif baharu.

Dasar Pembangunan Progresif dan Kerjasama Strategik

Dengan sokongan dasar Kerajaan bagi pembangunan PKS yang progresif, menerusi program pembangunan yang telah dirangka

dengan baik, kami dapat membimbing dan memupuk PKS menetapkan matlamat yang realistik serta langkah-langkah pragmatik bagi mencapai pertumbuhan dan kejayaan berterusan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kejayaan pada tahun 2016 juga adalah hasil daripada kerjasama strategik dengan sektor korporat dan swasta yang merangkumi syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat besar swasta, serta kerjasama dengan Kementerian, Agensi dan badan-badan berkaitan Kerajaan.

Program dan Inisiatif Jana Nilai

Tahun 2016 sememangnya merupakan tahun yang progresif untuk PKS, di mana meskipun terpaksa menghadapi cabaran, PKS tetap teguh dalam usaha mereka untuk berkembang. Platform jana nilai teras yang diwujudkan telah membantu PKS mempamerkan keupayaan mereka kepada pihak-pihak berkepentingan tempatan, serantau dan global, serta menyediakan peluang berdaya maju untuk pertumbuhan dan pengembangan.

Pada 2016, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan 11 program bernilai RM145.19 juta yang telah memanfaatkan 3,615 PKS. Menerusi program dan inisiatif yang dilaksanakan, PKS secara konsisten telah memperolehi manfaat yang besar nilainya daripada pembangunan kapasiti, akses pasaran, akses kepada pembiayaan, penjenamaan, teknologi dan inovasi, hinggalah ke pembangunan usahawan Bumiputera dan wanita. Antara program yang telah mencatatkan pencapaian besar termasuk:

- Program Rantian Perniagaan (BLing) telah mewujudkan peluang pertumbuhan yang luas bagi PKS menerusi Sesi Pamadanan Perniagaan dengan syarikat besar, MNC dan GLC. Pada 2016, sejumlah 443 PKS telah menjalinkan 786 rantian dengan syarikat-syarikat tempatan dan asing melalui 5 acara utama yang secara keseluruhannya telah menjana potensi jualan bernilai RM714.7 juta.

- Program *Business Accelerator* (BAP) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS agar dapat bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pada 2016, sebanyak 534 permohonan daripada PKS telah diluluskan dengan bantuan kewangan berjumlah RM60.28 juta.
- Pameran Tahunan PKS - SMIDEX telah berjaya sebagai platform serantau bagi mewujudkan interaksi perniagaan dan peluang pertumbuhan. SMIDEX 2016 telah menyaksikan penyertaan 10,647 pengunjung perdagangan dan 292 sesi Pamadanan Perniagaan yang menjana potensi jualan bernilai RM528.8 juta, yang merupakan pencapaian tertinggi pernah dicatat sejak SMIDEX diadakan pada 1997.
- Program Anugerah Enterpris 50 (E50) telah mengukuhkan kedudukannya sebagai mercu tanda kecemerlangan perniagaan dan keusahawanan serta melambangkan kejayaan PKS terbaik di Malaysia. Anugerah E50 2016 telah menerima penyertaan yang meningkat secara keseluruhan sebanyak 64% berbanding sebelumnya pada 2014, dengan sejumlah 102 pencalonan. Pada masa ini, alumni Anugerah E50 terdiri daripada 664 pemenang di mana 60 syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia - 46 syarikat di Pasaran Utama dan 14 syarikat di Pasaran ACE.

Pelan Induk PKS (2012-2020)

Pelaksanaan Pelan Induk PKS, sebagai strategi menyeluruh bagi inisiatif pembangunan PKS, kini berjalan lancar dengan 5 daripada 6 Program Berimpak Tinggi (HIP) mencatatkan pencapaian

yang ketara pada tahun 2016. HIP 3: Program *SME Investment Partner* (SIP) yang bertujuan untuk menyediakan pembiayaan peringkat awal melalui syarikat-syarikat pelaburan yang akan melabur dalam syarikat PKS yang berpotensi, kini berjalan dengan lancar, di mana SME Corp. Malaysia telah melantik 3 firma pengurusan dana yang dikenali sebagai 'Rakan PKS'.

Memupuk Semangat Keusahawanan

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem yang akan melahirkan usahawan baharu dan menyediakan platform bagi PKS berpotensi tinggi berinovasi dan meningkatkan produktiviti, kami melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dengan objektif untuk memupuk keusahawanan di kalangan belia Bumiputera. Seramai 493 peserta telah berjaya menamatkan TUBE 3.0 pada 2016 dan mendaftar 490 perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mana telah menjana jumlah jualan bernilai RM2.44 juta dalam tempoh 2 bulan dan mewujudkan 980 peluang pekerjaan.

Sejak dilaksanakan pada 2014, sejumlah 1,436 belia telah menyertai program ini, di mana 1,425 (99%) peserta telah mendaftar perniagaan mereka. Sehingga 2016, perniagaan-perniagaan berkenaan telah mencatat jualan terkumpul bernilai RM39.8 juta dan mewujudkan 3,306 pekerjaan baharu.

Mentransformasikan Perniagaan menerusi Teknologi dan Inovasi

Dengan tumpuan ke arah ekonomi yang dipacu oleh produktiviti dan inovasi, sejajar dengan Agenda Ekonomi Digital Malaysia, kami kini melaksanakan inisiatif baharu bagi menjana satu transformasi di kalangan PKS yang akan membantu meningkatkan pertumbuhan PKS dan memajukan ekonomi. Dalam menerajui Bidang Utama 1 di bawah Pelan Strategik eDagang Nasional (NeSR), SME Corp. Malaysia bekerjasama secara strategik dengan pelbagai Agensi, pemain eDagang dan persatuan industri bagi menyediakan bantuan menyeluruh dalam membimbing dan melatih PKS melaksanakan eDagang. Selain itu, SME Corp. Malaysia juga bersedia untuk berganding bahu dengan rakan kerjasama antarabangsa terkemuka dalam menganjurkan aktiviti serapan pasaran bagi membantu PKS mengguna dan memanfaatkan potensi penuh platform eDagang.

Di bawah Projek Permulaan Perkhidmatan Perniagaan 8 (EPP8): 'Membangunkan PKS dalam Industri Pembuatan Aeroangkasa Global' yang diterajui oleh SME Corp. Malaysia', 8 PKS berpotensi tinggi telah berjaya memperoleh pensijilan AS9100, manakala 2 lagi syarikat dijangka mendapat perakuan berkenaan pada bulan Mei 2018. Sehingga kini, syarikat-syarikat berkenaan telah menandatangani sebanyak 19 Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA) dan menerima 591 Permohonan Sebut Harga (RFQ). Pada tahun 2016, 10 syarikat ini telah mencatat hasil pendapatan berjumlah RM9.84 juta, iaitu melebihi sasaran RM5.4 juta yang telah ditetapkan.

Era Revolusi Mengilhami Perubahan

Di permulaan era baharu *Industry 4.0* yang sedang merubah perniagaan secara global, dengan kemunculan antara lainnya, eDagang dan teknologi pengganggu, perubahan pasti akan berlaku. PKS harus menerima arus perubahan yang melanda - teknologi baru muncul, analitis data besar, inovasi kolaboratif dan model perniagaan digital baharu - yang pasti akan memanfaatkan perniagaan, terutamanya dalam mendorong prestasi lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti dan inovasi produk, serta proses yang lebih cekap dan fleksibel bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi pada kos lebih rendah.

Oleh itu, PKS perlu mengkaji semula model perniagaan dan penyampaian mereka, meneroka peluang bukan konvensional bagi meningkatkan produktiviti dan inovasi, dan yang turut sama pentingnya, mencari gabungan kemahiran, pengetahuan dan teknologi yang bersesuaian, bukan sahaja untuk terus wujud tetapi berkembang sebagai pemain yang berdaya saing dalam lanskap perniagaan global yang baharu.

Kesimpulan

Saya amat gembira kerana kejayaan pada tahun 2016 telah mengukuhkan rekod prestasi, kewibawaan dan komitmen SME Corp. Malaysia dalam usaha mencapai matlamat dan sasaran Pelan Induk PKS, bagi menerajui peralihan Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Melangkah maju ke hadapan dalam tempoh RMKe-11, usaha gigih kami tertumpu ke arah meningkatkan daya saing, daya inovatif dan produktiviti kelompok penting PKS, menerusi pelaksanaan dasar dan inisiatif baharu sejajar dengan perkembangan terkini dalam ekonomi global yang mempengaruhi perniagaan.

Untuk kekal relevan dan berdaya saing, PKS bukan sahaja perlu menyesuaikan diri dengan perubahan, tetapi berada di barisan hadapan untuk mempercepatkan pembaharuan. Ke arah matlamat ini, PKS harus yakin bahawa Kerajaan akan memberi sokongan padu yang berterusan melalui pelaksanaan langkah-langkah dasar proaktif, sokongan menyeluruh dan inisiatif khusus bagi memangkinkan pertumbuhan PKS yang mampan.

PKS perlu memahami bahawa usaha mereka ke arah pertumbuhan adalah ibarat perlumbaan maraton di mana Kerajaan hanya boleh menyediakan kemudahan umpama air dan pisang. PKS harus memandu arah pertumbuhan mereka agar dapat berkembang maju hingga ke puncak kejayaan

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk bekerja seiring dengan pasukan, rakan dan benefisiari yang berdedikasi tinggi dalam memperjuangkan misi kami. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada semua pihak di atas usaha gigih, semangat waja serta komitmen padu mereka yang telah menyumbang kepada prestasi membanggakan SME Corp. Malaysia dalam semua inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2016. Saya menyeru agar kita sama-sama terus berganding bahu dengan padu dalam usaha mewujudkan masa hadapan yang cerah untuk PKS Malaysia.

DATUK (DR.) HAFSAH HASHIM


Ketua Eksekutif, SME Corp. Malaysia

MAKLUMAT KORPORAT

“Dengan hasrat untuk terus meningkat naik dalam rantai nilai industri makanan dan minuman, kami juga meneroka pasaran baharu di seluruh dunia. Ini memerlukan kami mengikuti trend global, inovasi teknologi dan persekitaran kompetitif, yang juga bermakna membuat pelaburan baharu. Penyertaan kami dalam Program *Business Accelerator* yang dikendalikan oleh SME Corp. Malaysia telah membolehkan kami memperolehi geran, yang membantu kami melabur dalam pembelian jentera dan kelengkapan yang perlu untuk meneruskan kitaran pembuatan dan juga inovasi produk.”

LKT FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.

Pengilang Makanan Sejuk Beku



“Dengan rangkaian produk berinovatif dan pelan perniagaan kukuh, cadangan projek kami telah diluluskan oleh SME Corp. Malaysia di bawah Program *Business Accelerator*. Geran yang diberikan telah membantu kami melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik pembungkusan, mendaftar harta intelek, melaksanakan iklan dan promosi, mendapatkan pensijilan serta memantapkan sistem pengurusan kualiti.

Kami yakin bahawa semua inisiatif ini akan membantu membina kewibawaan kami, seiring dengan usaha berterusan kami meneroka pasaran eksport, seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Korea Selatan dan China.”

HEXA FOOD SDN. BHD.

Pengilang Rempah, Herba dan Perisa Halal & HACCP

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan Agensi Penyelaras Pusat yang bertanggungjawab memantau pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) secara menyeluruh di Malaysia menerusi penggubalan dasar dan pelaksanaan strategik. Sebagai sebuah institusi peneraju, SME Corp. Malaysia bertindak sebagai pusat rujukan untuk PKS bagi perkhidmatan penyelidikan, data, program dan khidmat nasihat berkaitan dengan PKS. Selain memantau dan menyelaras pelaksanaan pelbagai program pembangunan PKS yang membabitkan 16 Kementerian dan lebih 60 Agensi, SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).



PERMULAAN PENTING

Pada tahun 1996, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMIDEC), sebuah agensi khusus di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerusi inisiatif khusus. Matlamat utama SMIDEC adalah untuk membangunkan potensi PKS Malaysia menerusi sokongan infrastruktur, bantuan kewangan, khidmat nasihat perniagaan, akses pasaran dan pelbagai program pembangunan. SMIDEC berhasrat untuk memperkasakan komuniti PKS agar berdaya saing di pasaran tempatan, serantau dan global.

Pembentukan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada 2004 menandakan satu kejayaan dalam mempergiatkan pembangunan PKS di negara ini. MPPK bertindak sebagai badan pembuat dasar tertinggi yang menetapkan haluan strategik dasar Kerajaan berkaitan pembangunan PKS, dan memastikan keberkesanan program dan inisiatif Kerajaan secara keseluruhan.

Pada 2007, SMIDEC telah ditugaskan oleh MPPK untuk bertindak sebagai agensi yang khusus untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Transformasi dan penjenamaan semula SMIDEC telah melahirkan SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

Antara peranan dan fungsi utama SME Corp. Malaysia adalah:

1. Penyelarasan Dasar dan Program

- Merangka dasar PKS umum dalam semua sektor ekonomi; dan
- Menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan program yang dikendalikan Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

2. Pusat Khidmat Nasihat dan Maklumat

- Memberi khidmat nasihat perniagaan menerusi Pusat Rujukan Setempat (ORC);

- Menyebarkan maklumat mengenai dana dan insentif Kerajaan;
- Mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu PKS; dan
- Berhubung dengan komuniti tempatan dan antarabangsa berkaitan hal-ehwal PKS.

3. Pengurusan Data dan Penyebaran Maklumat dan Penyelidikan berkaitan PKS

- Membina dan menguruskan pangkalan data PKS kebangsaan;
- Menjalankan penyelidikan berkaitan PKS;
- Menerbitkan laporan dan statistik berkaitan PKS; dan
- Melaksanakan program capaian.

4. Penyediaan Sokongan Perniagaan

- Memupuk dan membangunkan PKS yang kompetitif menerusi program pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan khusus;
- Meningkatkan daya saing PKS menggunakan alat penilaian Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE);
- Menyediakan sokongan infrastruktur untuk PKS; dan
- Memudahcara rantaian perniagaan dengan syarikat-syarikat besar, MNC dan GLC.

5. Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

- Mencadangkan dasar dan memastikan keputusan MPPK dilaksanakan dengan berkesan; dan
- Memberi sokongan pentadbiran kepada MPPK.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

“MPPK memainkan peranan penting dalam mempergiatkan usaha ke arah pembangunan PKS negara. SME Corp. Malaysia bertindak sebagai suara yang mewakili dan mengetengahkan keperluan kelompok penting PKS, manakala MPPK pula menggubal dasar dan strategi yang penting untuk pembangunan PKS; mengerah sokongan pihak berkepentingan dan membina budaya kerjasama ke arah pelaksanaan program dan inisiatif secara berkesan.”

Penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada 2004 adalah permulaan satu lembaran baharu dalam pembangunan PKS di Malaysia. MPPK ialah badan pembuat dasar tertinggi bagi pembangunan PKS di Malaysia, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Peranan utama MPPK ialah untuk memastikan pembangunan PKS secara menyeluruh dan terselaras dalam semua sektor. Ahli-ahli Majlis terdiri daripada 13 Menteri, Ketua Setiausaha kepada Kerajaan, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).

Antara fungsi strategik MPPK adalah untuk:

- Merangka dasar dan strategi umum untuk memudahkan pembangunan PKS secara menyeluruh dalam semua sektor;

- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan Agensi yang ditugaskan untuk pembangunan PKS;
- Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan program bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar pembangunan dan pelan tindakan PKS;
- Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan menyeluruh PKS; dan
- Memberi penekanan kepada pembangunan PKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi.

Peranan MPPK juga relevan dan sangat penting dalam usaha memastikan amalan pengurusan terbaik seperti:

- Mewujudkan banci secara berkala untuk mengemas kini statistik;
- Memastikan latihan berpusat bagi pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan PKS; dan
- Mewujudkan pelaporan secara berkala mengenai prospek pembangunan PKS.

MPPK telah menunjukkan kepimpinan dalam mengkaji semula prestasi masa lepas, sasaran sedia ada dan hala tuju masa hadapan demi pembangunan PKS. Langkah-langkah progresif penting yang telah diambil oleh MPPK untuk mencorak pertumbuhan PKS di Malaysia termasuk:

- Pada 2015, dengan mengambil kira perkembangan dalam ekonomi dan juga statistik, MPPK telah mengkaji semula sasaran makro yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS. Meskipun sasaran sumbangan PKS kepada KDNK bagi tahun 2020 kekal tidak berubah pada anggaran 41%, trajektori pertumbuhan PKS telah disemak semula kepada kadar purata tahunan 8% daripada sasaran terdahulu sebanyak 8.7%. Dalam pada itu, sumbangan PKS kepada guna tenaga telah disemak semula kepada 65% pada 2020 berbanding 62% sebelumnya, manakala sumbangan PKS kepada eksport telah disemak semula kepada 23% daripada 25% sebelum ini.
- MPPK telah memastikan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Pelan Induk PKS akan menjadi asas untuk menyusun strategi, perancangan dan pelaksanaan program pembangunan PKS, dengan tumpuan utama kepada 4 aspek penting, iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman.
- Berdasarkan mandat Majlis Ekonomi (EC), pada 2016, MPPK telah melantik Menteri Belia dan Sukan; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Menteri Pendidikan; dan Menteri Pendidikan Tinggi sebagai ahli baharu majlis bagi menggembeng usaha mereka dalam menggalakkan keusahawanan dan inisiatif keusahawanan merentasi kumpulan sasaran.
- Pada 2016, MPPK telah menaikkan taraf Program *Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation* (1-InnoCERT) sebagai mekanisme penilaian inovasi standard di peringkat kebangsaan. Matlamatnya ialah untuk menjadikan 1-InnoCERT sebagai rujukan standard bagi syarikat-syarikat berinovatif, yang akan digunakan oleh semua Kementerian dan Agensi berkaitan dalam memperuntukkan program sokongan untuk inovasi, dan juga untuk membantu mengurangkan pertindihan program dan objektif.



YAB Perdana Menteri menyampaikan Kenyataan Media di Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) Ke-20

Tadbir Urus Korporat: Jawatankuasa dan Panel Perbadanan

“Berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik dan pelaksanaan tertumpu, SME Corp. Malaysia telah menubuhkan pelbagai panel dengan tujuan khusus, yang terdiri daripada pakar yang berpengalaman dalam bidang khusus, dan para pemimpin berpotensi tinggi, yang dapat menyumbang kepada usaha mencapai objektif tunggal kami yakni pembangunan PKS yang progresif.”

JAWATANKUASA PERBADANAN

1. Jawatankuasa Imbuhan dan Manfaat

Pengerusi: Cik Suhara Salleh

Objektif

- Membincangkan dan mengesyorkan imbuhan, pampasan, faedah dan ganjaran untuk kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan SME Corp. Malaysia dengan tujuan utama untuk menarik dan mengekalkan bakat; dan
- Merangka dasar bagi mentadbir pakej imbuhan di bawah Skim Perkhidmatan SME Corp. Malaysia.

2. Jawatankuasa Pinjaman Pengajian

Pengerusi: Datuk Isham Ishak

Objektif

- Menilai dan meluluskan permohonan untuk pinjaman;
- Meluluskan lanjutan tempoh pengajian; dan
- Mengkaji semula dan mencadangkan garis panduan baharu kepada Jawatankuasa Imbuhan dan Manfaat.

3. Jawatankuasa Disiplin

Pengerusi: Datuk (Dr.) Hafsah Hashim

Objektif

- Menerima, mempertimbang dan memutuskan kes disiplin yang dikemukakan untuk tindakan disiplin, bukan / dengan tujuan pemecatan atau penurunan pangkat.

4. Jawatankuasa Audit

Pengerusi: Encik Koong Lin Loong

Objektif

- Membincangkan hasil penemuan audit yang dibangkitkan oleh audit dalaman dan juruaudit luar; dan
- Memastikan Pengurusan (pihak yang diaudit) mengambil langkah-langkah pencegahan dan tindakan pembedahan untuk mengatasi kelemahan dan mengelakkan isu-isu audit berulang.

PANEL PERBADANAN

1. Panel Keusahawanan dan Perusahaan Mikro

Pengerusi Bersama: Datuk Noraini Soltan & Encik Agil Faisal Ahmad Fadzil

Objektif

- Mengenal pasti dan menangani keperluan kumpulan sasaran khusus, iaitu wanita, belia dan golongan B40 (40% terendah dalam piramid pendapatan) selaras dengan objektif yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS dan RMKe-11, termasuk tetapi tidak terhad kepada bimbingan ke arah:
 - Merangka inisiatif baharu yang boleh menyumbang kepada pembangunan keusahawanan dan Perusahaan Mikro; dan
 - Menambah baik dasar dan program sedia ada yang membabitkan kumpulan sasaran.

2. Panel Keupayaan dan Kapasiti Insan

Pengerusi: Encik Amir Omar

Objektif

- Bertindak sebagai platform untuk wakil sektor awam dan swasta membincangkan isu-isu berkaitan keupayaan dan pembangunan modal insan PKS; dan
- Mencadangkan program dan dasar baharu atau penambahbaikan bagi menyokong pembangunan keupayaan dan kapasiti insan.

3. Panel Produktiviti dan Inovasi

Pengerusi: Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo

Objektif

- Mendapatkan pandangan daripada sektor swasta tentang bagaimana untuk meningkatkan lagi produktiviti dan penglibatan PKS dalam aktiviti inovasi.

4. Panel Akses Pasaran

Pengerusi: Dato' Ab. Rahman Ismail

Objektif

- Meluaskan akses pasaran untuk barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh PKS; dan
- Memastikan kemampuan, akses ke pasaran lebih besar, dan memberi galakan kepada PKS untuk meluaskan pasaran mereka dan mematuhi piawaian lebih tinggi, agar berdaya saing dan mendahului persaingan.

5. Panel ICT dan Pengurusan Pengetahuan

Pengerusi: Encik Shaifubahrim Saleh

Objektif

- Memainkan peranan sebagai penasihat dalam mencadangkan inisiatif dan program baharu yang akan meningkatkan penerapan ICT di kalangan PKS;
- Berbincang dengan pakar bidang khusus untuk berkongsi amalan terbaik dalam bidang ICT yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan PKS; dan
- Menggalakkan penggunaan ICT dengan lebih giat dalam operasi perniagaan dan sistem penyampaian PKS.


6. Panel Bumiputera Dalam Perniagaan

Pengerusi: Tuan Haji Hanafee Yusof


Objektif

- Bertindak sebagai panel penasihat bagi menambah baik inisiatif sedia ada dan mewujudkan inisiatif baharu, sekiranya wajar.

Struktur Organisasi



“DNA jenama dan struktur korporatnya menjadikan SME Corp. Malaysia sebuah organisasi yang teguh, dengan komitmen terhadap nilai-nilai ketelusan, tadbir urus yang baik dan kecekapan operasi. Pengurusan dan struktur pelaporan SME Corp. Malaysia dikaji semula secara berterusan bagi menghindari kelewahan dan meningkatkan prestasi di pelbagai peringkat.”



Ahli Perbadanan



“Misi berterusan SME Corp. Malaysia tercapai di bawah kepimpinan bijaksana Ahli Perbadanan, yang mempunyai pengalaman luas, menyumbang idea dan wawasan yang bernas, dan yang paling penting sekali, memacu wawasan pembangunan PKS progresif dengan tahap komitmen dan keikhlasan yang tinggi.”



Duduk dari kiri ke kanan:

Dato' Tan Yew Thong
Datuk (Dr.) Hafsa Hashim
Tan Sri. Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid (**Pengerusi**)
Datuk Isham Ishak (**Timbalan Pengerusi**)
Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo

Berdiri dari kiri ke kanan:

Puan Che Nazli Jaapar (**Setiausaha**)
Encik Shaifubahrim Saleh
Tuan Haji Hanafee Yusof
Encik Koong Lin Loong
Encik Agil Faisal Ahmad Fadzil
Dato' Ab. Rahman Ismail
Encik Sham S. Ratnani
Encik Amir Omar
Datuk Noraini Soltan

Tiada dalam gambar:



Datu Liaw Soon Eng



Datuk Haji Hashim Pajjan



Cik Suhara Salleh

Pengurusan Kanan



Datuk (Dr.) Hafsah Hashim
Ketua Eksekutif



Encik Rizal Nainy
Timbalan Ketua Eksekutif (I)



Puan Karunajothi Kandasamy
Timbalan Ketua Eksekutif (II)

“Pengurusan kanan SME Corp. Malaysia membentuk pasukan yang padu bagi memacu pelbagai program pembangunan dan inisiatif PKS. Mereka mencabar kelaziman, menyuntik semangat untuk menambah baik prestasi dan pencapaian agar selaras dengan sasaran dan objektif yang digariskan dalam Pelan Induk PKS.”



Puan Che Nazli Jaapar
Ketua Pegawai Operasi /
Ketua Pegawai Maklumat



Encik Mohd Rithauiden Makip
Pegawai Kanan
Bahagian Khidmat Nasihat &
Sokongan Perniagaan



Encik Zaky Moh
Pegawai Kanan
Bahagian Pembangunan Perniagaan &
Keusahawanan



Puan Mimi Razidah Abd Razak
Pegawai
Bahagian Komunikasi Strategik



Encik Mohd Izham Abdullah
Pegawai
Bahagian Pembangunan Perniagaan
Bumiputera



Puan Suraya Kulop Abdul Rahman
Pegawai
Bahagian Koordinasi Program



Puan Sharifah Najwa Syed Abu Bakar
Pegawai
Bahagian Kerjasama Antarabangsa



Encik Mohd Atan
Pegawai
Bahagian Ekonomi & Dasar



Cik Kausalya Gopal
Pegawai
Bahagian Pemantauan Dasar &
Pembangunan Inklusif



Encik Czarif Chai Abdullah
Pegawai
Bahagian Pengurusan Korporat



Encik Mohd Farid Awang
Ketua
Bahagian Kewangan & Akaun



Encik Nik Syahril Nik Mahmood
Ketua
Bahagian Pembangunan
Modal Insan



Encik Md Zahidan Hassan
Ketua
Bahagian Teknologi Maklumat

Pejabat Negeri



1. Encik Wan Jusaini Rizal Wan Nasruddin (Pengarah, Pejabat Negeri Johor)
2. Encik Syed Nahar Syed Harun (Pengarah, Pejabat Negeri Kedah)
3. Encik Nik Muhd. Kamil Nik Ismail (Pengarah, Pejabat Negeri Kelantan)
4. Tuan Hj. Ismail Hashim (Pengarah, Pejabat Negeri Melaka)
5. Encik Faiz Ramzi Sutarji (Pengarah, Pejabat Negeri Sembilan)
6. Puan Masnani Bashirun (Pengarah, Pejabat Negeri Pahang)

“Kami berhutang budi kepada wakil serantau kami, iaitu Pejabat-pejabat Negeri SME Corp. Malaysia, kerana kejayaan pelaksanaan program dan inisiatif di seluruh negara, yang bukan setakat mencontohi usaha kami, tetapi juga mematuhi piawaian kualiti yang tinggi dalam pelaksanaan projek. Pejabat-pejabat Negeri kami adalah sebahagian penting daripada jejak jaya serantau SME Corp. Malaysia yang kukuh.”




7. Encik Mohd Zumar Zainuddin (Pengarah, Pejabat Negeri Pulau Pinang)
8. Encik Mohamad Rozlan Mohamad Razalli (Pengarah, Pejabat Negeri Perak)
9. Encik Noor Azzam Yaazizul Ghafar (Pengarah, Pejabat Negeri Perlis)
10. Encik Meor Shahril Isma Meor Abdullah (Pengarah, Pejabat Negeri Sabah)
11. Encik Esmawady Mohd Esa (Pengarah, Pejabat Negeri Sarawak)
12. Encik Muhammad Ibrahim (Pengarah, Pejabat Negeri Terengganu)

TINJAUAN PERKEMBANGAN DAN PROSPEK PKS

“Perjalanan kami bersama SME Corp. Malaysia ternyata membuahkan hasil. Sebagai PKS dengan pensijilan 1-InnoCERT, kami telah diberi peluang untuk memanfaatkan pelbagai mekanisme pendanaan, yang membolehkan kami mendapatkan pensijilan seperti cGMP (Makanan Tambahan Tradisional dan Kesihatan) dan ISO22000, yang amat perlu untuk membawa idea berinovatif ke pasaran. Kami juga telah menerima ilmu pengetahuan dan bimbingan dalam usaha mengkomersialkan inovasi, dan pada hari ini, kami sudah bertapak di 10 negara, termasuk Afrika Selatan, United Kingdom, Australia dan New Zealand.”

FURLEY BIOEXTRACTS SDN. BHD.

Pengilang Makanan Tambahan Kesihatan & Produk Nutraseutikal dan Kosmeseutikal
- Syarikat Bioteknologi berstatus 'BioNexus'



“Sebagai salah satu penerima Anugerah Enterpris 50 (E50) buat 3 tahun berturut-turut, termasuk pada 2016, kami bukan sahaja menyertai rangkaian PKS dan komuniti usahawan yang kukuh, tetapi juga berjaya mendapatkan akses ke program dan peluang khusus bagi menimba kemahiran, pengetahuan dan wawasan baharu mengenai perniagaan dan pertumbuhan. Kami turut menerima geran bersamaan di bawah Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB), yang telah memainkan peranan penting dalam perancangan aktiviti pemasaran dan promosi kami, termasuk penjenamaan dan pensijilan antarabangsa untuk beroperasi di pasaran asing.”

IDEAL HEALTHCARE SDN. BHD.

Pembekal Produk Perubatan Pakai Buang dan Penjagaan Kesihatan Berkualiti

Pertumbuhan dan Prestasi PKS pada 2016

“PKS pasti berkembang maju apabila diperkasakan dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan kaedah untuk meningkatkan prestasi perniagaan. PKS Malaysia bergiat dalam ekosistem yang mengiktiraf peranan mereka, dengan pelbagai dasar dan program telah dirangka untuk menyokong pembangunan PKS. Pihak Kerajaan sentiasa menyokong usaha PKS menerajui ekonomi negara, memainkan peranan bermakna untuk mencapai wawasan Malaysia menjadi sebuah negara maju.”

Banci Ekonomi 2016 terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa pada 2016, PKS merangkumi 98.5% (907,065) daripada sejumlah 920,624 perniagaan, berbanding 638,790 PKS yang dicatat pada 2010. Bilangan PKS telah meningkat dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 7.3% setahun dari 2010 hingga 2015. Majoriti daripada PKS adalah Perusahaan Mikro yang membentuk 76.5% daripada jumlah PKS di Malaysia. Merentasi sektor-sektor ekonomi utama, PKS paling tertumpu dalam sektor Perkhidmatan mewakili 89.2% daripada jumlah PKS. Manakala, lebih kurang 5.3% PKS terlibat dalam sektor Pembuatan, diikuti dengan 4.3% dalam sektor Pembinaan, 1.1% dalam sektor Pertanian dan selebihnya 0.1% dalam sektor Perlombongan & Pengkuarian.

Dari segi prestasi PKS, sejak penubuhan MPPK pada 2004, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS telah mengatasi kadar pertumbuhan KDNK keseluruhan Malaysia. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam dan luar negara, KDNK PKS mencatat pertumbuhan 5.2% pada 2016 (2015: 6.1%) dan terus mengatasi purata

pertumbuhan ekonomi negara, iaitu 4.2% pada 2016 (2015: 5.0%). Pertumbuhan KDNK PKS disokong oleh permintaan dalam negara yang tinggi, dipacu perbelanjaan dan pelaburan, aktiviti pelancongan, serta pelbagai dasar sokongan yang dilaksanakan Kerajaan.

Sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan telah meningkat kepada 36.6% pada 2016 (2015: 36.3%), manakala sumbangan eksport PKS bertambah kepada 18.6% pada 2016 (2015: 17.7%). Sementara itu, sumbangan PKS kepada guna tenaga turut meningkat kepada 65.3% (2015: 64.5%). Sumbangan lebih besar PKS kepada ekonomi ini merupakan perkembangan positif yang disokong oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan aktiviti pelancongan.

KDNK PKS BERASASKAN KEGIATAN EKONOMI UTAMA PADA 2016 (HARGA MALAR 2010)

Kegiatan Ekonomi Utama	KDNK PKS pada 2016	
	Pertumbuhan Tahunan (%)	Sumbangan kepada Jumlah KDNK PKS (%)
Perkhidmatan	6.4	59.6
Pembuatan	4.8	21.6
Pertanian	-1.7	11.2
Pembinaan	6.8	5.8
Perlombongan & Pengkuarian	8.2	0.4
Ditambah: Duti Import	-	1.4
Jumlah	5.2	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Program Pembangunan PKS pada 2016

“Program pembangunan PKS bukan sahaja dirangka untuk memberi sokongan, mengenal pasti dan mengatasi masalah, serta mencari jalan penyelesaian bagi PKS, tetapi juga mendorong tindakan dan prestasi di setiap peringkat pembangunannya. Kunci kejayaan program ini ialah tumpuan, sumber dan rangkaian kukuh kami di seluruh negara, yang membolehkan usaha diteruskan dan objektif yang ditetapkan tercapai.”

Sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PKS secara keseluruhan di Malaysia sejak 2009, SME Corp. Malaysia menyelaras, memperkemas, memantau dan menilai kemajuan dan keberkesanan program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi. Maklumat yang dikumpulkan oleh Kementerian dan Agensi yang berkenaan diterbitkan secara tahunan dalam bentuk Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA). Laporan ini telah diperkenalkan buat pertama kali sebagai Rangka Tindakan Pembangunan PKS (2006-2008) sebelum pelantikan SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat.

Sejak 2010, prestasi program pembangunan PKS diukur menggunakan pendekatan berasaskan hasil. Keberkesanan program tersebut juga dipantau menerusi Rangka Kerja Analisis Impak Program Pembangunan PKS (IAFSP), yang diiktiraf oleh MPPK di mesyuarat ke-9 pada 9 Julai 2009. Sejak itu, satu set KPI umum telah diguna pakai untuk menyelaraskan penilaian berstruktur dan pelaporan terhadap prestasi program pembangunan PKS kepada MPPK pada peringkat program, dan juga untuk menyelaras dan menilai semua program pembangunan PKS secara lebih berkesan.


PROGRAM KESELURUHAN

Sejumlah 154 program dengan peruntukan kewangan berjumlah RM7.95 bilion telah dilaksanakan pada 2016 untuk membantu 529,390 PKS. Dana Kerajaan merangkumi 72.5%, manakala dana swasta meliputi 27.5%. Peruntukan kewangan bagi MITI dan Agensinya, yang merupakan sebahagian daripada pemberian dana keseluruhan Kerajaan, adalah berjumlah RM937.76 juta.

Daripada angka tersebut, dana Kerajaan berjumlah RM5.77 bilion (72.5%) diperuntukkan bagi melaksanakan 133 program, yang membawa manfaat kepada 515,429 PKS. Selain itu, pembiayaan swasta mencecah RM2.18 bilion (27.5%), yang disalurkan untuk menjayakan 21 program telah membantu 13,961 PKS.

Secara keseluruhannya, MITI bersama Agensinya yang berkaitan telah merancang dan melaksanakan 41 program dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM937.76 juta. Sebanyak 25,559 PKS telah menerima manfaat secara langsung di bawah program-program ini. Daripada jumlah tersebut, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan 11 program bernilai RM145.19 juta yang telah memberi manfaat kepada 3,615 PKS.

PROGRAM PEMBANGUNAN PKS PADA 2016



PROGRAM DI BAWAH MITI DAN AGENSI

PECAHAN PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH MITI DAN AGENSI PADA 2016

MITI / Agensi	Peruntukan Kewangan (RM Juta)	Bilangan Program	Bilangan PKS Menerima Manfaat
MITI	2.63	3	766
SME Corp. Malaysia	145.19	11	3,615
SME BANK	198.98	9	201
MATRADE	38.68	7	18,582
MAI	12.19	5	1,940
MIDF	539.09	4	228
HDC	0.69	1	134
MPC	0.31	1	93

Berbanding tahun 2015, walaupun bilangan program pembangunan PKS pada 2016 adalah lebih rendah, dengan pengurangan jumlah PKS sasaran, program telah dilaksanakan dengan rangka kerja saluran sokongan yang lebih luas, dan dengan perbelanjaan keseluruhan yang jauh lebih kecil. Satu lagi perkara yang perlu dinyatakan ialah pada tahun lepas, Kerajaan telah mengatasi sasaran sebanyak 152 program, apabila melaksanakan sejumlah 154 program, dengan kadar pelaksanaan 101.3%. Daripada jumlah bilangan program tersebut, 18 merupakan program yang baru dilaksanakan, dan 11 adalah yang baru dilaporkan.

Sebanyak 18 program baharu tersebut menggunakan dana berjumlah RM176.57 juta dan memberi manfaat kepada 4,623 PKS, manakala 11 program yang baru dilaporkan telah membabitkan dana berjumlah RM97.53 juta yang telah membawa manfaat kepada 26,485 PKS.

PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS (SMEIPA)

Pencapaian Program Pembangunan PKS pada 2016 Berasaskan Bidang Tumpuan

BIDANG TUMPUAN	PROGRAM DILAKSANA	PERBELANJAAN (RM JUTA)	PKS MENERIMA MANFAAT
Akses kepada Pembiayaan	44	7,077.88	423,777
Pembangunan Modal Insan	45	139.05	88,949
Akses Pasaran	30	364.23	14,004
Penerapan Inovasi dan Teknologi	25	300.40	2,593
Infrastruktur	10	68.49	67
JUMLAH	154	7,950.05 *	529,390

* Bersamaan dengan RM7.95 bilion

Pelan Induk PKS (2012-2020)

“Pelan Induk PKS terus menjadi panduan PKS bagi menuju ke arah pertumbuhan mampan. Sejak dilancarkan 5 tahun lepas, SME Corp. Malaysia telah melihat tindak balas positif terhadap objektif dan juga sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk PKS dan pihak-pihak yang menyokong pertumbuhannya di Malaysia dan luar negara.”

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang diumumkan pada 2015 merupakan tahap terakhir dalam usaha untuk menggiatkan pertumbuhan PKS ke arah mencapai matlamat negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pelan Induk PKS (2012-2020) menjadi asas bagi melaksanakan program pembangunan PKS dalam RMKe-11 dengan memberi penekanan kepada 4 bidang tumpuan, iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman. Pelan Induk PKS sedang berjalan lancar ke arah matlamatnya, dengan 5 daripada 6 Program Berimpak Tinggi (HIP) telah mencatatkan pencapaian cemerlang pada 2016:

- **HIP 1:** Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan, yang bertujuan untuk mempermudah urusan perniagaan dengan mewujudkan satu gerbang tunggal bagi pendaftaran dan pelesenan perniagaan, sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh MAMPU. Di bawah projek ini, 'Portal MalaysiaBiz', yang menyediakan maklumat

mengenai tatacara untuk mendaftar perniagaan dan senarai pelesenan, telah dilancarkan pada 23 Jun 2016. Sehingga kini, kesemua 2,918 lesen yang dikeluarkan oleh 508 pihak berkuasa pelesenan telah dimuat naik ke dalam portal tersebut.

- **HIP 2:** Platform Pengkomersialan Teknologi telah dilancarkan pada Mei 2014 oleh PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Agensi Inovasi Malaysia. Sehingga kini, sejumlah 125 projek telah diluluskan untuk bantuan bersepadu, 174 kontrak pelesenan telah dimeterai dan 22 produk inovatif telah dikomersialkan.
- **HIP 3:** Program *SME Investment Partner* (SIP) yang merupakan inisiatif pendanaan bersama di antara Kerajaan dan pihak swasta, bertujuan untuk menyediakan pembiayaan peringkat awal melalui syarikat-syarikat pelaburan yang akan melabur dalam syarikat PKS yang berpotensi, turut berjalan dengan lancar. SME Corp. Malaysia telah melantik 3 firma pengurusan dana yang dikenali sebagai 'Rakan PKS'. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM15 juta kepada 'Rakan PKS' pertama yang kini sedang dalam proses mengumpul dana daripada pelabur swasta dalam jumlah yang bersamaan dengan peruntukan RM15 juta tersebut. 'Rakan PKS' ini akan mula melabur dalam PKS berpotensi apabila saiz dana yang terkumpul mencecah jumlah minima yang diperlukan.

- **HIP 4:** Program *Going Export* (GoEx) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah diperkenalkan untuk mengantarabangsakan PKS yang bersedia untuk mengeksport. Sejumlah 156 syarikat mewakili 12 sektor telah menyertai program ini, di mana sebanyak 27 aktiviti serapan pasaran telah diadakan yang menjana potensi jualan bernilai RM57 juta.
- **HIP 5:** Program Pemangkin yang diterajui oleh SME Corp. Malaysia telah menyempurnakan inisiatif LED dan BioNext, melibatkan 20 PKS berpotensi tinggi. Pada 2017, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan PKS berpertumbuhan tinggi dalam sektor aeroangkasa, peranti perubatan dan rel.
- **HIP 6:** Program Keterangkuman Inovasi yang diterajui oleh Yayasan Inovasi Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), turut disasarkan secara khusus untuk menyokong inovasi bagi golongan B40 (40% terendah dalam piramid pendapatan). Sehingga kini, sebanyak

1,282 produk inovatif telah diterima, di mana 315 produk telah disenarai pendek dan 44 telah diberi kelulusan. Daripada jumlah ini, 15 produk inovatif kini sedia untuk dikomersialkan yang akan memanfaatkan 620 individu merentasi 12 komuniti.

Perlu ditekankan bahawa pelaksanaan HIP bukan satu proses sendiri, tetapi disokong oleh pelbagai inisiatif lain meliputi bidang-bidang seperti pembaharuan dasar dan pembangunan modal insan. Matlamat utamanya, menerusi pelaksanaan berkesan 6 HIP dan 26 inisiatif lain di bawah Pelan Induk, ialah untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK ke tahap 41%, guna tenaga 65% dan eksport 23% menjelang tahun 2020, agar dapat membantu mencapai wawasan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.



Prospek PKS pada 2017 dan Selanjutnya

“Pembangunan PKS ialah satu komitmen jangka panjang yang perlu disokong oleh dasar progresif, program berinovatif dan usaha pelaksanaan berterusan. Ia juga bermakna belajar daripada kekangan yang pernah dihadapi di masa lampau, dan membina di atas strategi dan amalan terbaik yang terbukti keberkesannya, bagi memperkasakan PKS agar bersedia menghadapi masa hadapan. Prospek bagi PKS pada 2017 tetap positif, dengan penglibatan generasi usahawan yang baharu dan potensi pakatan yang dijalin dengan rangkaian PKS serantau dan global serta pihak-pihak yang menyokong pertumbuhannya.”

Walaupun berhadapan dengan suasana ekonomi global yang mencabar, ketidakstabilan pasaran dan perubahan dasar, Kerajaan Malaysia sentiasa peka terhadap keperluan PKS yang sentiasa berubah. Walaupun menghadapi kekangan sumber, Kerajaan tetap komited dalam memastikan semua inisiatif yang telah dirancang berjalan lancar bagi memenuhi matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk PKS (2012-2020). Tahun 2016 menyaksikan pihak-pihak yang terbabit menggunakan kebijaksanaan, kekuatan, kesungguhan dan komitmen masing-masing, termasuk para penggubal dasar, Kementerian dan Agensi yang tekun berkhidmat, dan paling penting, SME Corp. Malaysia sebagai institusi peneraju yang diamanahkan untuk memangkinkan pembangunan PKS di negara ini.

Bajet Negara 2017 dengan tema, ‘Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh’,

bertujuan mengekang kesan ekonomi terhadap PKS dan memastikan kemampanan perniagaan, dan juga menyokong pembangunan dan pertumbuhan jangka panjang PKS. Dalam memenuhi agenda ini, tahun 2017 telah diisytiharkan sebagai ‘Tahun Promosi Permulaan Perniagaan dan PKS’

Bajet tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan dan kemampanan jangka panjang, serta keperluan jangka pendek PKS untuk mengekang kesan cabaran ekonomi semasa. Untuk terus mengukuhkan prestasi PKS, sejumlah RM5.85 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan 169 program pembangunan PKS oleh pelbagai Kementerian dan Agensi bagi memanfaatkan 80,860 PKS.

Pelbagai perkembangan dan insentif utama akan dilaksanakan pada 2017 dan tahun-tahun selanjutnya yang akan memperkukuhkan kapasiti dan keupayaan PKS, lantas mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih kukuh dan bertenaga. Antaranya adalah pengurangan cukai korporat kepada 18%; pendigitalan PKS; pemformalan Akta PKS; pelaksanaan dasar perolehan Kerajaan untuk PKS; penyediaan platform pembiayaan alternatif termasuk Pendanaan Masyarakat berasaskan Ekuiti (ECF) dan Peminjaman antara Rakan Setara (P2P); kajian semula Akta Kebrankapan; serta pewujudan *Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP) Market* iaitu pasaran tertutup untuk PKS di Bursa Malaysia.



Dengan matlamat untuk mempercepatkan pencapaian sasaran makro di bawah Pelan Induk, Kerajaan secara progresif menggunakan strategi yang seiring dengan *Industry 4.0*. Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih banyak PKS global berpertumbuhan tinggi dan berinovatif menerusi bantuan khusus dalam bidang automasi, pendigitalan dan perobotan.

Pada tahun 2017, pertumbuhan KDNK PKS dijangka lebih tinggi daripada unjuran pertumbuhan awal di antara 5.5% dan 6.0%, berkemungkinan pada kadar 6% atau lebih. Ini adalah ekoran prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang tinggi pada separuh pertama tahun 2017 di mana KDNK keseluruhan dijangka akan berkembang lebih daripada 4.8%. Pertumbuhan KDNK PKS yang dijangka lebih tinggi ini adalah disokong oleh permintaan dalam negara dan pengukuhan dalam pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan dan bakal memberi kesan positif ke atas eksport. Seiring dengan perkembangan positif sedemikian, Kerajaan

akan terus memberi bantuan kepada PKS dalam menangani cabaran, khususnya bagi mengakses sokongan kewangan, meningkatkan produktiviti dan mempergiatkan usaha ke arah ekonomi digital.

SME Corp. Malaysia terlibat secara aktif dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif di bawah Pelan Induk PKS, bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan eksport PKS. Seiring dengan usaha Kerajaan untuk mempergiatkan integrasi PKS dalam Rantai Nilai Global dan menggalakkan penglibatan PKS dalam pasaran serantau serta global, program dan inisiatif ini secara kolektif dijangka akan memacu prestasi pertumbuhan PKS di masa hadapan.

“Pensijilan ‘*National Mark of Malaysian Brand*’ dan peluang yang dibawakannya membolehkan kami mengembangkan sayap melangkaui sempadan Malaysia ke pasaran eksport, seperti Amerika Syarikat, Afrika, Norway, Jepun dan Australia. Inisiatif SME Corp. Malaysia ini telah memberi keyakinan dan kekuatan kepada PKS tempatan untuk menembusi serta bersaing di pasaran serantau dan global.”

VG OFFSHORE CONTAINERS INTERNATIONAL SDN. BHD.

Pengeluar Kontena Luar Pesisir Binaan Khas dan Penyelesaian Modular

PROGRAM DAN INISIATIF TERAS

Penarafan **Daya Saing**

Pembangunan **Kapasiti**

Akses kepada **Pembiayaan**

Akses **Pasaran**

Pembangunan **Jenama-PKS**

Teknologi dan Inovasi

Pembangunan **Keusahawanan Bumiputera**

Capaian

Anugerah dan Pengiktirafan

Pembangunan **Keusahawanan Wanita**

Kerjasama **Antarabangsa**



“Kami telah mendapat pensijilan ‘*National Mark of Malaysian Brand*’ pada 2015 dan pengiktirafan tersebut telah membantu memartabatkan perniagaan kami sebagai jenama yang komited untuk mencapai tahap kualiti dan piawaian antarabangsa yang tinggi. Buku tempahan kami yang bernilai RM2.4 juta pada Disember 2016 mencerminkan kejayaan kami bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di pasaran antarabangsa seperti Switzerland, Taiwan dan Hong Kong.”

TAMAN BUAYA LANGKAWI SDN. BHD.

Pengeluar dan Pereka Beg Tangan dan Aksesori Busana Kulit Buaya

Pencapaian Program dan Inisiatif Pembangunan PKS yang Dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia pada 2016

“Bagi SME Corp. Malaysia, pencapaian bukan sahaja tertumpu pada sasaran dan angka, tetapi sejauh mana tahap kebergantungan diri, kecekapan, daya tahan dan daya saing yang mampu dibuktikan oleh PKS dengan bantuan program-program teras kami. Pada 2016, kami terus komited untuk meluaskan capaian program kami, meraih sokongan padu PKS dan membina jenama yang digelar ‘PKS Malaysia’.”

PENARAFAN DAYA SAING

1. PENARAFAN DAYA SAING PKS UNTUK PENINGKATAN (SCORE)


Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) ialah alat diagnostik yang dibangunkan untuk menilai dan memberi penarafan ke atas daya saing PKS. Ianya termasuk penilaian kuantitatif kekuatan dan kelemahan syarikat, yang menjadi asas bagi menyarankan langkah-langkah penambahbaikan prestasi yang berasaskan keperluan khusus syarikat. SCORE juga merupakan satu kaedah bagi mengenal pasti PKS berpotensi tinggi yang boleh menjalin kerjasama dan rantaian dengan syarikat-syarikat besar, MNC, GLC dan PKS lain. Ianya juga boleh menentukan kriteria bagi mengenal pasti syarikat yang sudah bersedia untuk mengeksport selepas mengambil kira, antara lain, pematuhan kepada piawaian dan pensijilan antarabangsa serta kapasiti pengeluaran syarikat. Selain itu, penilaian semula SCORE ke atas PKS dapat membantu memantau dan mengukur kesan program pembangunan PKS terhadap pertumbuhan keseluruhan PKS.

Sejak dimulakan pada Julai 2007, sebanyak 7 model SCORE telah dibangunkan, iaitu Pembuatan & Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan; Perdagangan Runcit & Penedaran; Pembinaan; ICT; Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih; Perkhidmatan Profesional dan M-CORE (bagi Perusahaan Mikro). SME Corp. Malaysia terus berganding bahu dengan pelbagai rakan kerjasama, yang merupakan pakar industri (bidang khusus), untuk membangunkan model SCORE yang memenuhi keperluan tertentu PKS dalam pelbagai industri.

Menerusi mekanisme penilaian SCORE, PKS yang turut serta diberi penarafan berdasarkan skala ‘0 Bintang’ hingga ‘5 Bintang’ bagi mencerminkan prestasi dan kecekapan mereka. Syarikat yang bertaraf ‘0 Bintang’ hingga ‘2 Bintang’ diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program pembangunan kapasiti dan keupayaan yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dan Agensi Kerajaan lain. Dalam pada itu, syarikat dengan penarafan ‘3 Bintang’ ke atas diberi peluang untuk menyertai program rantaian perniagaan dan aktiviti promosi eksport.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 19,643 PKS telah menjalani penilaian SCORE, dengan sebahagian besar daripada PKS mendapat penarafan ‘2 Bintang’ dan ‘3 Bintang’. Pada 2016 sahaja, sejumlah 3,938 PKS telah diberi penarafan. Bilangan PKS yang memilih untuk mendapatkan penarafan SCORE telah meningkat secara tahunan pada kadar 19% dari 2014 hingga 2015 dan 24% dari 2015 hingga 2016.

STATUS KESELURUHAN SCORE PADA 31 DISEMBER 2016 (2007-2016)



STATUS SCORE MENGIKUT TAHUN (2014-2016)

PENARAFAN	2014	2015	2016
0 Bintang	2	1	0
1 Bintang	198	205	347
2 Bintang	1,055	1,367	2,162
3 Bintang	1,238	1,331	1,142
4 Bintang	185	278	278
5 Bintang	1	5	9
Jumlah PKS diberi Penarafan	2,679	3,187	3,938

2. PENARAFAN DAYA SAING PERUSAHAAN MIKRO UNTUK PENINGKATAN (M-CORE)


M-CORE ialah alat penilaian daya saing dipermudah yang diperkenalkan pada Ogos 2010 bagi memenuhi keperluan khusus Perusahaan Mikro. M-CORE mengukur prestasi dan keupayaan Perusahaan Mikro dalam 4 bidang utama, iaitu perniagaan, kewangan, operasi dan pengurusan.

M-CORE mengkategorikan syarikat berdasarkan 3 skala, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Tahap 1 menunjukkan bahawa syarikat beroperasi pada tahap operasi perniagaan paling asas; Tahap 2 menunjukkan syarikat mempunyai potensi untuk berkembang; dan Tahap 3 mencerminkan kesediaan syarikat untuk berkembang


maju daripada Perusahaan Mikro kepada Perusahaan Kecil. Program peningkatan kemahiran ditawarkan kepada syarikat-syarikat ini untuk meningkatkan keupayaan perniagaan mereka.

Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah 2,902 Perusahaan Mikro telah dinilai di bawah M-CORE. Sebahagian besar daripada Perusahaan Mikro tergolong dalam kategori Tahap 2.

STATUS KESELURUHAN M-CORE PADA 31 DISEMBER 2016 (2010-2016)



STATUS M-CORE MENGIKUT TAHUN (2014-2016)



PEMBANGUNAN KAPASITI

1. PROGRAM BUSINESS ACCELERATOR (BAP)

Program *Business Accelerator* (BAP) ialah sebuah program bantuan bersepadu bagi meningkatkan keupayaan PKS, termasuk Perusahaan Mikro, menerusi khidmat nasihat perniagaan dan bantuan kewangan. Program ini menyokong pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti untuk membantu PKS mengembangkan perniagaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.


BAP menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan dan pinjaman mudah bagi membantu PKS meraih peluang pertumbuhan perniagaan baharu. Program ini bermula dengan penilaian keupayaan perniagaan PKS yang sedia ada dengan menggunakan alat diagnostik SCORE untuk menentukan kekuatan dan kelemahan syarikat. Pelan tindakan kemudiannya dirangka bagi

melaksanakan penambahbaikan perniagaan yang disesuaikan mengikut keperluan khusus syarikat. Pada 2016, sebanyak 534 PKS telah menerima manfaat daripada BAP, dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM60.28 juta. Sejak program ini diperkenalkan pada 2011 hingga 31 disember 2016, sebanyak 2,105 permohonan daripada PKS telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM274.12 juta.

SME Corp. Malaysia berganding bahu dengan SME Bank dan Bank Rakyat untuk menyediakan pinjaman mudah yang ditawarkan di bawah BAP. Pemberian dana di bawah skim pinjaman mudah meliputi pembiayaan modal kerja dan aset tetap untuk membantu pengembangan perniagaan. Pada 2016, pinjaman mudah berjumlah RM31.15 juta (78%) telah diluluskan bagi membiayai modal kerja, manakala RM8.66 juta (22%) telah diluluskan untuk pembelian aset tetap.


SME Corp. Malaysia komited dalam menyediakan sokongan menyeluruh kepada PKS, termasuk Perusahaan Mikro, bagi membolehkan mereka berhubung, berkembang dan mencapai kemajuan menerusi pelbagai bentuk penambahbaikan perniagaan. Di bawah BAP, PKS mendapat manfaat daripada geran bersamaan yang meliputi kos pembangunan produk, penambahbaikan pembungkusan, inovasi perniagaan, pensjilan produk, pengiklanan, aktiviti promosi,

automasi, peningkatan kapasiti pengeluaran dan juga penerapan ICT. Kadar kelulusan tertinggi bagi geran bersamaan adalah untuk peningkatan kapasiti pengeluaran dengan 68% daripada permohonan diluluskan. Ini mencerminkan tahap kesedaran yang semakin tinggi di kalangan PKS tentang keperluan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah.



PROGRAM BUSINESS ACCELERATOR (BAP)

Projek diluluskan bagi Geran Bersamaan di bawah BAP (Sehingga 31 Disember 2016)





2. PROGRAM SME@UNIVERSITY

SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah mewujudkan Program *SME@University* pada 2011. Program ini telah dibangunkan berpandu kepada model latihan Universiti PKS Jepun dengan kerjasama Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau JEPUN (SME Support, JAPAN).

Matlamat inisiatif ini adalah untuk menyediakan peluang pembelajaran berstruktur di universiti kepada pegawai pengurusan tertinggi syarikat (*CEO*) dan pemilik perniagaan PKS di mana mereka boleh menimba dan menuntut ilmu keusahawanan, serta mendapat pendedahan

kaedah perniagaan semasa dari teori dan metodologi kepada kemahiran gunaan. Program ini dibangun menggunakan pendekatan separa-bimbingan dan separa-rundingan yang dikendalikan oleh pakar bidang khusus dan penceramah daripada industri.

Sejak dilancarkan pada 2011 sehingga 2016, program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama 10 universiti yang masing-masing menggunakan jenama SME@UKM, SME@UiTM, SME@UPM, SME@IIUM, SME@UMK, SME@HELP University, SME@UUM, SME@UMS, SME@UNIMAS dan SME@UTM, dengan penyertaan aktif 635 *CEO* dan pemilik perniagaan.

Untuk mengukuhkan lagi pembelajaran, Program *SME@University* telah memperkenalkan Kursus Lanjutan bagi *SME@University* di Jepun (ACJ) pada 2013, anjuran SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SME Support, JAPAN dan Universiti PKS Tokyo. Setakat ini, sejumlah 60 *CEO* dan pemilik perniagaan Malaysia yang mengikuti Program *SME@University* telah diberi peluang untuk menghadiri Kursus Lanjutan bagi *SME@University* di Jepun. Kursus ini menyediakan platform interaktif kepada *CEO* dan pemilik perniagaan yang turut serta untuk membina wawasan hasil daripada bimbingan dan perkongsian Agensi-agensi Sokongan PKS Jepun dan PKS Jepun sendiri, serta meraih peluang perniagaan dan membina jaringan.



Pengarah Urusan Mama Best Food Manufacturer Sdn. Bhd. berkongsi pengalaman perniagaan di Taklimat Program *SME@University* di Kuala Lumpur

3. PROGRAM PEMENTORAN PKS

Nilai yang diperolehi daripada kerjasama sektor awam-swasta dalam melaksanakan program pembangunan PKS adalah besar, terutamanya bagi mengatasi cabaran di peringkat umbi untuk melaksanakan dasar-dasar dengan berkesan, dan menyampaikan penyelesaian pragmatik untuk komuniti PKS. Bersandarkan hakikat ini, SME Corp. Malaysia telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Nestlé (Malaysia) Berhad dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) sejak 2009 bagi melaksanakan Program Pementoran PKS. Program ini bertujuan untuk terus membangun, meningkatkan keupayaan dan menambah baik prestasi perniagaan PKS tempatan dalam industri makanan dan minuman Halal di Malaysia, bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran global.

Menerusi program ini, Nestlé, pengeluar makanan dan minuman Halal di peringkat global yang terkemuka, berkongsi ilmu pengetahuan dan wawasannya mengenai prosedur Halal, amalan terbaik industri

makanan dan minuman Halal, serta ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi pembekal berwibawa kepada syarikat-syarikat multinasional. Dengan kepimpinan dan keupayaan membimbing yang terbukti dalam industri Halal, Nestlé telah memberi inspirasi dan motivasi kepada syarikat yang turut serta untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan Halal selepas menyertai program ini.

Sejak 2010, sebanyak 320 PKS dengan 452 peserta telah mendapat manfaat daripada program ini. Pada 2016, program ini menerima sambutan menggalakkan daripada 77 PKS, dengan sejumlah 110 peserta telah menghadiri 5 sesi yang diadakan di Shah Alam, Selangor; Seberang Jaya, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Kuching, Sarawak dan Kuala Lumpur.



Salah seorang peserta Program Pementoran PKS menerima sijil penghargaan

4. PROGRAM PANEL PENASIHAT PAKAR PKS (SEAP)

Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) ialah inisiatif yang menghimpunkan pakar yang telah bersara dari industri dan Agensi Kerajaan khusus bagi memberi khidmat nasihat perniagaan dan teknikal kepada PKS. Peranan pakar berkenaan adalah bagi membimbing PKS untuk sentiasa mengkaji semula dan menambah baik operasi dan amalan perniagaan mereka berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

Sehingga 2016, sejumlah 68 pakar industri dengan pelbagai latar belakang telah dilantik. Sejak dilaksanakan pada 2005, sebanyak 123 PKS telah melaksanakan langkah-langkah progresif dan pembaharuan positif, yang mana telah membuahkan hasil yang baik.

AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

1. SKIM PINJAMAN MUDAH UNTUK PKS (SLSME)

Skim Pinjaman Mudah untuk PKS (SLSME) dilancarkan pada Disember 2001 bagi menggalakkan pembangunan PKS di Malaysia. Skim ini membantu perniagaan sedia ada dan juga perniagaan permulaan dari segi pembiayaan projek, aset tetap dan modal kerja.

Dana bagi skim ini disalurkan oleh Kerajaan Malaysia menerusi SME Corp. Malaysia kepada MIDF untuk pelaksanaan skim. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 2,647 syarikat telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM2.16 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM185.8 juta telah diluluskan untuk 135 syarikat.

2. SKIM PEMBIAYAAN PKS PATUH SYARIAH (SSFS)

Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) telah diperkenalkan bagi menyediakan bantuan kewangan kepada PKS Malaysia. PKS yang layak diberi rebat 2% ke atas kadar keuntungan yang dikenakan bagi pembiayaan yang disediakan oleh 12 Bank Islam terlibat, di mana ianya akan ditanggung oleh Kerajaan. SSFS ialah satu kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) bersama 12 ahlinya.

Sejak dilancarkan pada 2012 sehingga Disember 2016, sejumlah 1,181 PKS telah memohon di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 962 PKS yang layak dengan pinjaman berjumlah RM2.18 bilion telah menerima rebat bernilai RM57.47 juta. Dengan adanya peruntukan tambahan RM1 bilion bagi SSFS di bawah Bajet 2016, tempoh permohonan untuk skim ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017, berbanding tempoh kelayakan awal 5 tahun yang sepatutnya berakhir pada 31 Disember 2016.

3. DANA KECEMASAN PKS (SMEEF)

Salah satu matlamat program capaian adalah untuk menyokong PKS yang terjejas akibat bencana alam, seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh. Dana Kecemasan PKS (SMEEF) ialah bantuan kewangan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), bagi meringankan beban PKS yang terjejas akibat bencana alam untuk membolehkan mereka membina semula perniagaan.

Berbekalkan peruntukan RM10 juta, SMEEF menyediakan pembiayaan maksimum sehingga RM100,000 untuk setiap syarikat, dalam bentuk hibrid yang terdiri daripada geran dan pinjaman mudah, bergantung kepada keperluan dan kapasiti PKS. Geran diberikan untuk kerja membaik pulih premis perniagaan dan pembaikan jentera dan kelengkapan yang rosak, manakala pinjaman mudah diberikan bagi modal kerja, termasuk bahan mentah (tidak termasuk gaji dan sewa), dan pembelian jentera dan kelengkapan, serta lekapan asas untuk premis.

Sejak dimulakan pada 2012, sejumlah 694 permohonan SMEEF yang diterima daripada PKS di 4 negeri yang terjejas - Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak – telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan berjumlah RM5.29 juta. Pada 2016, sebanyak 72 permohonan yang diterima daripada PKS di Kelantan, Pahang dan Perak telah diluluskan dengan bantuan kewangan berjumlah RM0.44 juta.

AKSES PASARAN


1. PROGRAM RANTAIAN PERNIAGAAN (BLing)

Program Rantai Perniagaan (BLing) bertujuan untuk mewujudkan jalinan perniagaan antara PKS dan syarikat besar, MNC dan GLC. Komponen utama program ini ialah Pemadanan Perniagaan. Sesi Pemadanan Perniagaan diadakan setiap tahun di Pameran SMIDEX dan menerusi pelbagai platform lain yang menyediakan peluang untuk menjalinkan rantaian perniagaan dengan syarikat MNC.

Pada 2016, sebanyak 443 PKS telah dihubungkan dengan syarikat besar, MNC dan GLC menerusi 786 rantaian perniagaan yang mencatatkan nilai potensi jualan berjumlah RM714.7 juta. Pencapaian ini adalah hasil daripada Sesi Pemadanan Perniagaan yang dianjurkan sempena acara-acara berikut:

- *CEO Network Enhancing Programme Malaysia* (14-19 Mac 2016);
- Pameran Tahunan PKS - SMIDEX 2016 (17-19 Mei 2016);
- Minggu PKS 2016 (23 Mei-3 Jun 2016);
- *Apparel Export Promotion Council (AEPC)'s Buyer Seller Meet in Malaysia and Indonesia* (17 Oktober 2016); dan
- Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) (24-27 November 2016).

SESI PEMADANAN PERNIAGAAN KESELURUHAN PADA 2016



Program Rantai Perniagaan (BLing) menyediakan peluang kepada PKS untuk menjalinkan rantaian perniagaan dengan syarikat MNC



2. PAMERAN TAHUNAN PKS - SMIDEX 2016

Pameran Tahunan PKS Ke-19 - SMIDEX 2016 telah dianjurkan pada 17-19 Mei 2016 di Kuala Lumpur. Bertemakan 'PKS Bangkit Menyahut Cabaran', SMIDEX 2016 memaparkan daya tahan dan daya saing PKS tempatan dalam mengatasi cabaran yang melanda akibat kelembapan ekonomi; penurunan harga komoditi, ketidakstabilan kadar tukaran wang, perdagangan global yang lemah dan peningkatan kos menjalankan perniagaan.

Acara ini mewujudkan peluang keemasan untuk PKS berhubung dengan pengamal dan pakar industri serta tokoh pemikir serantau dan global, bagi menimba ilmu pengetahuan, dan juga mempelajari tentang kaedah dan penyelesaian baharu. Pameran ini menjana nilai yang tinggi dengan menggalakkan perkongsian

pengalaman dan penyelesaian secara langsung, dan membolehkan kerjasama perdagangan mampan terjalin dalam komuniti PKS.

Berkedudukan kukuh sebagai platform serantau bagi interaksi dan peluang pertumbuhan perniagaan, SMIDEX 2016 telah menarik 10,647 pengunjung perdagangan. Sebanyak 292 Sesi Pemandaran Perniagaan yang dikendalikan di acara tersebut telah menjana nilai potensi jualan berjumlah RM528.8 juta, yang merupakan peningkatan 26.34% daripada tahun 2015 dan pencapaian yang tertinggi pernah dicatat sejak SMIDEX dimulakan pada 1997.

Kejayaan ini tercapai terutamanya kerana penyertaan 113 PKS dan 40 GLC, MNC dan syarikat besar dari sektor bernilai tinggi yang mempunyai tahap inovasi tinggi dan kehadiran global yang kukuh, termasuk BAE Systems, Rafale International dan Pharmaniaga, serta organisasi perniagaan terkemuka, seperti Mydin, AEON Big dan Perbadanan Johor. Beberapa syarikat asing dari Jepun, United Kingdom, Perancis dan Emiriah Arab Bersatu turut mengambil bahagian dan menyumbang kepada pencapaian keseluruhan Sesi Pemandaran Perniagaan.

Acara selama 3 hari tersebut yang mengetengahkan sesi *Pocket Talk*, taklimat produk, lawatan berpandu, pertandingan dan pelancaran produk baharu telah menampilkan sejumlah 339 gerai pameran, dengan penyertaan 253 syarikat tempatan dan asing serta Agensi Kerajaan.



Pengerusi SME Corp. Malaysia melawat gerai pameran penerima pensijilan National Mark of Malaysian Brand di SMIDEX 2016



Menteri di Jabatan Perdana Menteri melawat gerai pameran di SMIDEX 2016 diiringi oleh Timbalan Menteri (Industri) MITI, serta Pengerusi dan Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia



3. PROGRAM GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA

Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) ialah program Bumiputera baharu yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia di bawah RMKe-11. Sebagai satu kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan Exim Bank, matlamat program ini adalah untuk mewujudkan rantaian perniagaan di kalangan PKS Bumiputera, serta membantu mereka memanfaatkan potensi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan merebut pelbagai peluang yang ada.

Objektif program GEB, antara lainnya, ialah untuk meningkatkan potensi pasaran eksport PKS dan menambah bilangan PKS Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa. Bantuan kewangan bersepadu ini adalah dalam bentuk geran bersamaan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dan pinjaman mudah daripada MARA.

Program perintis tersebut telah diperkenalkan oleh SME Corp. Malaysia bersama 8 persatuan Bumiputera yang aktif, bertujuan untuk mengenal

pasti pengeksport berpotensi di kalangan PKS Bumiputera bagi menyertai program berkenaan.

Sejak program ini dimulakan pada 2016, sebanyak 51 permohonan telah diterima di mana 7 daripadanya yang berjumlah RM5.3 juta telah diluluskan. Daripada angka tersebut, 5 permohonan yang telah diluluskan itu adalah untuk geran bersamaan sebanyak RM1.1 juta dan 2 kelulusan pula adalah untuk pinjaman mudah berjumlah RM4.3 juta.

Pada 2017, SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama beberapa persatuan Bumiputera, MARA, MATRADE, EXIM Bank dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, giat menganjurkan satu siri program latihan di seluruh negara untuk membangun dan meningkatkan kemahiran pemasaran eksport bagi syarikat pengeksport PKS Bumiputera yang berpotensi, dengan sasaran untuk mengenal pasti sekurang-kurangnya 100 PKS Bumiputera baharu yang bersedia untuk mengeksport.



Majlis Pertukaran Perjanjian Program GEB pada 21 April 2016 yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia



PEMBANGUNAN JENAMA-PKS

1. PROGRAM PENSIJILAN *NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND*

Program Pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* merupakan kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. *National Mark of Malaysian Brand* ialah lambang berprestij bagi syarikat dan jenama Malaysia, yang memperakui produk dan perkhidmatan yang diberi pensijilan sebagai keluaran terbaik Malaysia berdasarkan piawaian kualiti yang ketat.

Dilancarkan pada 2009, program ini bertujuan mewujudkan syarikat yang berdaya saing global dengan menggalakkan mereka agar menghargai nilai penjenamaan untuk kedudukan pasaran berbeza. Matlamat Inisiatif strategik ini juga adalah bagi menyediakan akses pasaran untuk PKS berpotensi tinggi

yang berupaya dan komited dalam membangun dan memasarkan produk dan perkhidmatan berkualiti. Selama ini, *National Mark of Malaysian Brand* telah berjaya meningkatkan kebolehlihatan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Manfaat yang diraih oleh penerima pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* termasuk insentif kewangan di bawah Program Laluan Hijau *Business Accelerator*; peluang penglibatan dalam aktiviti perdagangan tempatan dan antarabangsa yang dilaksanakan oleh beberapa Kementerian dan Agensi; peluang menyertai latihan khusus yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dan rakan kerjasamanya; dan liputan media istimewa. Selain itu, PKS yang menerima pensijilan disenarai utama dalam pangkalan data SME Corp. Malaysia, untuk digunakan bagi program rantaian perniagaan serta peluang jaringan perniagaan.

Sejak dimulakan, sejumlah 130 syarikat telah mendapat pensijilan, di mana 10 daripadanya telah menerima pensijilan pada 2016. Pada masa ini, *National Mark of Malaysian Brand* memiliki cap dagangan berdaftar di Malaysia, Jepun, Korea, Belanda, Thailand, Australia dan Amerika Syarikat.

2. GALERI PENJENAMAAN DAN PEMBUNGKUSAN BERGERAK ('*BRAND TRANSFORMER*')

Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak, yang dinamakan '*Brand Transformer*', telah diwujudkan bagi membantu PKS luar bandar di seluruh negara. Ianya bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjenamaan dan pembungkusan berinovatif bagi memenuhi keperluan pasaran global, menerusi proses keterlibatan dan program latihan.

Inisiatif ini dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC).

Dilancarkan pada 2012, '*Brand Transformer*' dibentuk daripada sebuah kontena berukuran 40 kaki panjang yang telah diubahsuai serta dilengkapi dengan paparan sampel dan bahan pembungkusan berinteraktif, mesra pengguna dan berinovatif. Di Sabah, Sarawak dan kawasan terpencil di Semenanjung Malaysia, galeri penjenamaan mudah pasang siap '*Branding Pack & Go*', digunakan bagi menggantikan '*Brand Transformer*'.

Inisiatif ini adalah selaras dengan salah satu matlamat utama Pelan Induk PKS (2012-2020), iaitu membantu PKS mencapai tahap produktiviti, inovasi dan pertumbuhan lebih tinggi. Ianya memenuhi sasaran Program Berimpak Tinggi 6: Keterangkuman Inovasi yang menyorankan transformasi komuniti di kawasan luar bandar termasuk Perusahaan Mikro melalui inovasi.

Pada 2016, '*Brand Transformer*' telah mengunjungi 3 lokasi, iaitu Kangar, Perlis (Minggu PKS 2016); Jeli, Kelantan (Ekspo Keusahawanan Jeli) dan Seremban, Negeri Sembilan (Karnival Usahawanan Wanita 2016) yang secara keseluruhannya telah memanfaatkan 688 peserta.

TEKNOLOGI DAN INOVASI

1. PROJEK PERMULAAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN 8 (EPP8): 'MEMBANGUNKAN PKS DALAM INDUSTRI PEMBUATAN AEROANGKASA GLOBAL'

Sejak pelancaran Rangka Tindakan Aeroangkasa Malaysia yang pertama pada 1997, industri ini telah berkembang pesat, dan pada hari ini, aeroangkasa adalah salah satu daripada sektor penyumbang penting kepada aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi pendapatan tinggi. Sektor ini telah menerima pelaburan yang semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini, dengan beberapa syarikat multinasional terbesar mewujudkan dan meluaskan operasi dalam rangkaian kemudahan aeroangkasa yang semakin berkembang di negara ini.

Kerajaan telah menerapkan strategi pembangunan bagi industri aeroangkasa dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia negara terkemuka dalam aeroangkasa di Asia Tenggara dan sebagai sebahagian penting pasaran global menjelang 2030. Masa hadapan industri aeroangkasa melibatkan aktiviti reka bentuk dan pembuatan huluan bernilai tinggi yang akan memberi peluang besar kepada PKS Malaysia yang berteknologi tinggi dan berpotensi tinggi di peringkat global.

Dalam usaha mempersiapkan PKS Malaysia untuk menceburi pasaran aeroangkasa global, Kerajaan telah memperkenalkan Projek Permulaan Perkhidmatan Perniagaan 8 (EPP8): 'Membangunkan PKS dalam Industri Pembuatan Aeroangkasa Global' di bawah ETP. SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui program pembangunan berstruktur di bawah EPP8 bagi meningkatkan keupayaan dan mengintegrasikan PKS Malaysia ke dalam rantaian bekalan aeroangkasa global.

Bagi memulakan program EPP8, sejumlah 10 PKS berpotensi tinggi telah dipilih pada 2016 untuk menerima bantuan dalam bentuk pembangunan keupayaan dan kapasiti; kemudahan menembusi pasaran baharu; serta rantaian dengan pemain utama industri aeroangkasa. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia adalah membantu PKS terpilih menaik taraf status pensijilan dan pengiktirafan yang amat penting untuk

mbolehkan mereka beroperasi dan bersaing dalam industri aeroangkasa. Di samping itu, PKS juga diberi sokongan dalam aspek Transformasi Organisasi, Pelan Teknologi dan Strategi Pemasaran bagi meningkatkan daya saing berasaskan Pelan Tindakan Strategik yang telah dirangka oleh PKS masing-masing.

PKS yang terpilih telah diberi peluang untuk menyertai Program Aeroangkasa Cranfield pada 18-22 Julai 2016 di United Kingdom (UK), yang telah berkongsi asas bagi pertumbuhan dan penambahbaikan syarikat dalam sektor Pembuatan Aeroangkasa, serta memberi pendedahan mengenai amalan terbaik aerangkasa UK, bagi membantu PKS meningkatkan prestasi perniagaan masing-masing.

Setakat ini, 8 syarikat daripada kumpulan tersebut telah berjaya memperoleh pensijilan AS9100, manakala 2 syarikat lagi dijangka mendapat perakuan berkenaan pada bulan Mei 2018. Syarikat-syarikat berkenaan juga telah menandatangani sebanyak 19 Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA) dan menerima 591 Permohonan Sebut Harga (RFQ). Pada tahun 2016, 10 PKS terpilih ini telah mencatat hasil pendapatan berjumlah RM9.84 juta, iaitu melebihi sasaran RM5.4 juta yang telah ditetapkan. Perkembangan peringkat awal ini adalah petunjuk positif yang bakal mendorong PKS berkenaan ke peringkat seterusnya, iaitu pelantikan sebagai pembekal bertauliah.



Majlis Pengiktirafan bagi mengumumkan 10 PKS yang terpilih untuk menyertai program EPP8

EPP8: MELONJAK PKS MERAH KEJAYAAN CEMERLANG DALAM INDUSTRI AEROANGKASA

EPP8 dilaksana berlandaskan garis panduan dalam Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 dan inisiatif EPP7: 'Menjadikan Malaysia Hab Pengeluar Peralatan Asli (OEM) Aeroangkasa di Asia Tenggara' dengan Memanfaatkan 'Bandar Aeroangkasa Asia'. EPP8 dirangka berdasarkan senario semasa industri aeroangkasa negara yang memerlukan perhatian khusus terhadap 3 pendorong pertumbuhan:

- Keupayaan dan kapasiti yang diiktiraf industri;
- Pembangunan industri dan pasaran perniagaan; dan
- Pelaburan, pendanaan dan insentif.

EPP8 memberi tumpuan khusus terhadap 6 inisiatif utama yang dilaksana bagi memastikan matlamat dan misi Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia akan tercapai. Antara inisiatif yang dikenal pasti termasuk:

- Mendapatkan pengiktirafan OEM dan pensijilan yang diperlukan;
- Mengukuhkan ekosistem dan rantaian bekalan aeroangkasa PKS tempatan agar dapat menyokong ekosistem tempatan dan luar pesisir peringkat lebih tinggi;
- Membentuk pakatan PKS aeroangkasa Malaysia (diterajui sektor swasta) bagi memenuhi matlamat industri dan juga sebagai platform untuk berhubung dengan Kerajaan;
- Merangka Pelan Tindakan Strategik bagi pembangunan PKS;
- Menyasarkan penggabungan pelaburan strategik dalam PKS (firma, teknologi, harta intelek) menerusi usaha sama dan pengambilalihan; dan
- Memanfaatkan skim pembiayaan dan platform pelaburan Kerajaan yang disediakan oleh Agensi seperti SME Corp. Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), SME Bank dan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV).

Dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) pada 2020 kepada RM454 juta, EPP8 juga menetapkan sasaran untuk menjana pendapatan tambahan berjumlah RM641 juta daripada perniagaan aeroangkasa menjelang tahun 2020. Kedua-dua sasaran menunjukkan bahawa penglibatan PKS dalam sektor pembuatan industri aeroangkasa memberi kesan yang sangat positif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Menerusi EPP8, inisiatif yang akan dilaksanakan dilihat sebagai peluang untuk PKS meneroka pasaran berskala sederhana dan besar, termasuk menjadi pengedar utama bagi syarikat pelopor aeroangkasa dunia seperti Boeing dan Rafale.

Di bawah EPP8, PKS diberi sokongan dalam aspek berikut, berasaskan Pelan Tindakan Strategik masing-masing, bagi membantu mereka meningkatkan daya saing dalam industri aeroangkasa global:

1. Transformasi Organisasi

- Peningkatan produktiviti;
- Pelaksanaan sistem LEAN; pensijilan AS9100 dan NADCAP; dan
- Pembangunan kapasiti Sumber Manusia.

2. Pelan Teknologi

- Penerapan inovasi dan teknologi;
- Peningkatan kecekapan pengeluaran; dan
- Pemerolehan proses khusus tambahan.

3. Strategi Pemasaran

- Pembangunan strategi pemasaran;
- Pembangunan laman web;
- Penyertaan dalam acara perdagangan; dan
- Kerjasama dengan PKS.



2. PROGRAM ENABLING E-PAYMENT FOR SMEs AND MICRO ENTERPRISES

Sejajar dengan Program Transformasi Digital (DTP) Kerajaan atau wawasan 'Digital Malaysia', SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), telah melancarkan Program *Enabling E-Payment for SMEs and Micro Enterprises* pada 2012. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan PKS dan Perusahaan Mikro mengguna pakai sistem e-Bayaran dengan memudahkan proses dan mengurangkan kos pemerolehan. Program ini memperkenalkan peranti e-Bayaran berkos rendah yang boleh dihubungkan dengan infrastruktur jaringan syarikat yang sedia ada. Kumpulan sasaran program e-Bayaran yang mudah dan mampu milik ini adalah para pengusaha pasar tani,

restoran kecil dan perniagaan kecil-kecilan yang bergantung kepada pasar malam, pasar lambak dan industri kampung.

Menerusi inisiatif ini, PKS dan Perusahaan Mikro (dirujuk sebagai pedagang) dilengkapi dengan penyelesaian e-Bayaran mampu milik dengan sistem tempat jualan atau *Point-of-Sale* (POS) yang disediakan oleh Pemeroleh Pihak Ketiga (TPA). Di bawah program ini, TPA yang dilantik dibenarkan untuk menjual penyelesaian e-Bayaran kepada pedagang termasuk:

- Peranti EFTPOS mudah alih;
- Penyelesaian bayaran dalam talian; dan
- Terminal EDCPOS.

Pada 2016, sejumlah 10,821 PKS telah mengguna pakai sistem e-Bayaran menerusi 7,713 terminal jualan dengan nilai transaksi berjumlah RM3.43 bilion. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 112,008 PKS telah mengguna pakai sistem e-Bayaran merangkumi 188,359 terminal jualan, termasuk perniagaan berpremis dan perniagaan dalam talian, yang menjana nilai transaksi berjumlah RM9.02 bilion dan mewujudkan 1,516 pekerjaan.



3. PROGRAM INNOVATION CERTIFICATION FOR ENTERPRISE RATING AND TRANSFORMATION (1-InnoCERT)

SME Corp. Malaysia telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menerajui, memacu dan menyokong pembangunan inovasi PKS menerusi Program *Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation* (1-InnoCERT). Dilancarkan pada 2010, Program 1-InnoCERT mengenal pasti dan mengesahkan syarikat berinovatif menerusi piawaian inovasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (OECD Oslo Manual V3), dan menggunakan proses pensijilan yang diterima pakai daripada amalan terbaik Program Pensijilan Innobiz Korea (Inovasi PKS).

Para peserta Program 1-InnoCERT diberi akses keutamaan kepada insentif Kerajaan bagi membiayai dan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Insentif dalam bentuk Baucar Inovasi bernilai RM45 juta juga telah diperuntukkan bagi membantu PKS yang telah menerima pensijilan 1-InnoCERT melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan Penyelidikan & Pembangunan (R&D), Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, serta Peningkatan Produk, Proses, dan Kapasiti Pengeluaran.

Menyedari pentingnya usaha memupuk dan meningkatkan bilangan syarikat berpertumbuhan tinggi dan berinovatif, Mesyuarat MPPK Ke-20 yang diadakan pada 23 Jun 2016 telah mengiktiraf Program 1-InnoCERT sebagai mekanisme penilaian inovasi standard kebangsaan untuk digunapakai oleh semua Kementerian dan Agensi berkaitan pembangunan PKS dalam proses pemilihan PKS berinovatif bagi menyertai program sokongan inovasi mereka.

Sejak dimulakan pada tahun 2010, sejumlah 162 PKS telah dianugerahkan pensijilan 1-InnoCERT. Sehingga 31 Disember 2016, SME Corp. Malaysia telah menyalurkan Baucar Inovasi berjumlah RM17.6 juta kepada 59 PKS.

4. PROGRAM eDAGANG

eDagang adalah komponen penting dalam ekonomi digital. Pada 2015, eDagang telah menyumbang 5.9% atau RM68.3 bilion kepada KDNK keseluruhan negara berbanding 5.8% (RM63.8 bilion) pada 2014. Menjelang 2020, sumbangan eDagang kepada KDNK dijangka berjumlah 6.4% (RM114 bilion).

Pelan Strategik eDagang Nasional (NeSR) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 13 Oktober 2016 memperkukuhkan komitmen Kerajaan untuk memacu agenda eDagang dan membantu Malaysia beralih ke era perdagangan produk dan perkhidmatan tanpa sempadan.

Pelaksanaan NeSR dipantau oleh Majlis eDagang Kebangsaan (NeCC) yang dipimpin oleh Menteri MITI, dengan Sekretariatnya yang diterajui bersama oleh MITI dan MDEC. NeCC telah diberi mandat untuk menyediakan hala tuju strategik bagi memacu pembangunan eDagang di Malaysia.

NeSR bermatlamat untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang negara dari 10.8% pada 2016 ke 20.8% pada tahun 2020, serta mencapai sumbangan KDNK berjumlah RM211 bilion menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat berkenaan, NeSR telah menggariskan inisiatif yang tertumpu pada 6 bidang utama:

Bidang Utama 1: Mempercepatkan penerapan eDagang di kalangan peniaga (PKS).

Bidang Utama 2: Meningkatkan penerapan pemerolehan secara elektronik (e-Pemerolehan) oleh syarikat-syarikat perniagaan.

Bidang Utama 3: Menghapuskan sekatan bukan tariff (e-Pemenuhan domestik, eDagang rentas sempadan, e-Bayaran dan perlindungan pengguna).

Bidang Utama 4: Menjajar semula insentif-insentif ekonomi.

Bidang Utama 5: Membuat pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat eDagang utama yang terpilih.

Bidang Utama 6: Mempromosikan jenama kebangsaan bagi meningkatkan eDagang rentas sempadan.

Di bawah 6 bidang utama ini, terdapat 11 program utama yang dikendalikan oleh pelbagai Agensi awam. SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui Bidang Utama 1 melalui pelaksanaan program dan aktiviti berikut:

- Mempromosi dan memasarkan eDagang untuk penerapan di kalangan PKS menerusi pelbagai program yang dikelolakan oleh Agensi, rakan eDagang dan persatuan;
- Mewujudkan portal e-perniagaan sehenti untuk PKS (www.eCommerceAcademy.my) bagi memudahkan pendaftaran dan latihan;
- Meningkatkan skala dan keberkesanan latihan dan pembangunan bakat eDagang PKS; dan
- Melatih PKS melalui bengkel dan program capaian

eDAGANG: POTENSI BESAR DUNIA TANPA SEMPADAN BAGI PKS

eDagang mencetus transformasi dalam landskap ekonomi dan cara transaksi ekonomi dilaksanakan dalam sistem perdagangan global. Dengan kemunculan era digital, pertumbuhan pesat e-Dagang pada dekad lepas dijangka semakin hebat pada tahun-tahun akan datang walau apapun jua peraturan perdagangan yang dikenakan. Sejumlah 1.6 bilion orang di seluruh dunia dianggarkan telah membeli barangan dalam talian pada 2016 yang menjana hasil berjumlah USD 1.9 trilion, satu angka yang dijangka akan meningkat lebih dua kali ganda menjelang 2020.

Walaupun jurang digital global telah mewujudkan andaian umum bahawa membeli-belah dalam talian adalah fenomena Barat, perdagangan elektronik juga sedang berkembang pesat di negara-negara membangun. Di Asia, jualan eDagang pada 2016 merangkumi 12.1% daripada jumlah jualan runcit global. Malaysia, India, Indonesia dan Filipina dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan paling ketara dari segi pembangunan e-Dagang perniagaan-ke-pengguna menjelang 2021.

Memandangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara-negara membangun meliputi sebahagian besar daripada perniagaan dan merupakan majikan kepada sebahagian besar daripada pekerja sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, usaha memudahkan eDagang rentas sempadan boleh memberi kesan secara langsung terhadap peningkatan punca pendapatan dan pengukuhan pembangunan ekonomi. Inisiatif Taobao Villages oleh peruncit dalam talian, Alibaba, di China adalah satu contoh nyata bagaimana eDagang berjaya dalam meningkatkan taraf hidup menerusi model pembangunan luar bandar yang baharu.

eDagang ialah satu kaedah utama bagi membantu melonjak pembangunan PKS. Dengan melangkaui pasaran tempatan, kebangsaan dan malah serantau, eDagang merupakan penggerak yang menganjakkan PKS ke dalam pasaran global. Perniagaan di negara-negara membangun, terutamanya PKS, boleh meraih manfaat paling besar daripada pelaksanaan eDagang rentas sempadan yang lebih mudah, pantas dan cekap.

Sumber : *Pusat Perdagangan Antarabangsa (ITC) - Agensi Bersama Pertubuhan Perdagangan Sedunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA

Agenda Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (APEB) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 14 September 2013 sebagai inisiatif ke arah pengagihan kekayaan yang saksama dan mengurangkan jurang pendapatan antara kaum-kaum utama di Malaysia. APEB memberi tumpuan terhadap 5 strategi utama:

- Mendaya modal insan Bumiputera
- Memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat
- Memperkukuh pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera
- Memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan Bumiputera
- Memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan

Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, telah ditubuhkan pada September 2013 bagi menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB). Dengan penubuhan MEB, Perdana Menteri boleh memantau rapi pelaksanaan inisiatif di bawah APEB yang melibatkan pelbagai Kementerian, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLO).

1. PROGRAM PENINGKATAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA (BEEP)

Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi pensijilan, pembungkusan, premis sewaan untuk usahawan belia, khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pelbagai Agensi yang menyediakan bantuan dan sokongan teknikal. Bantuan kewangan yang diberi adalah dalam bentuk geran bersamaan.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 1,612 permohonan telah mendapat kelulusan untuk geran bersamaan berjumlah RM156.32 juta. Daripada angka ini, RM39.7 juta telah diluluskan untuk 254 PKS Bumiputera pada tahun 2016.

Selangor dan Negeri Sembilan telah mencatatkan kelulusan tertinggi, masing-masing dengan 31 PKS Bumiputera (RM5.13 juta) dan 33

PKS Bumiputera (RM4.81 juta). Sebahagian besar daripada kelulusan ini adalah untuk Penambahbaikan Produk & Proses, Pembungkusan Produk, serta Pensijilan & Sistem Pengurusan Kualiti.



2. PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE) 3.0

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang perniagaan. Ianya bertujuan untuk:

- Memupuk dan menyemai semangat keusahawanan di kalangan belia;
- Membantu belia beralih daripada menjadi 'pekerja' kepada 'pemilik atau pengusaha perniagaan'; dan
- Membina daya tahan dan harga diri di kalangan belia ke arah mengurus perniagaan mereka sendiri.

Program TUBE memberikan latihan ketahanan mental dan fizikal, serta pendedahan kepada persekitaran perniagaan dan cabaran yang berkaitan. Ianya dilaksanakan dalam 3 fasa:

Fasa 1: Menguji Ketahanan Mental dan Fizikal (Kem Bina Semangat);

Fasa 2: Meningkatkan Pengetahuan Mengenai Operasi Perniagaan Berkesan (Bengkel Perniagaan); dan Fasa 3: Bimbingan Mengenai Operasi Perniagaan Berkesan ('Sistem Buddy').

Peserta menerima RM15,000 setiap seorang dalam bentuk geran bagi memulakan perniagaan mereka selepas berjaya menamatkan Fasa 1 dan Fasa 2. Di bawah

Fasa 3, peserta dibimbing oleh Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia menerusi 'Sistem *Buddy*' untuk tempoh 12 bulan sejurus memulakan perniagaan bagi membantu memastikan perniagaan mereka kekal mampan.

Sejak dilaksanakan pada 2014, Program TUBE telah menarik penyertaan 1,436 belia, di mana 1,425 (99%) daripada mereka telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah memulakan operasi perniagaan. Pada 2016, perniagaan-perniagaan tersebut telah mencatat jualan terkumpul bernilai RM39.8 juta dan mewujudkan 3,306 pekerjaan baharu.



Pemenang 'Pembentang Rancangan Perniagaan' menerima ganjaran yang disampaikan oleh Timbalan Menteri (Industri) MITI di Majlis Penutup Program TUBE 3.0



Para peserta Program TUBE 3.0 di Melaka



Para peserta membuat persembahan di Majlis Penutup Program TUBE 3.0

3. PROGRAM LOCAL TO GLOBAL CORPORATIONS (LGC) ASCEND 800

Program LGC Ascend 800 bermatlamat untuk mengukuhkan penyertaan PKS Bumiputera dalam perniagaan. Ianya dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Majlis Perundingan Melayu (MPM). Program ini diperkenalkan pada 2014 sebagai projek perintis di bawah Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (APEB).

Menerusi program ini, prestasi PKS Bumiputera terpilih yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, dinilai berasaskan keupayaan dan kapasiti mereka, termasuk sumbangan dalam rantaian nilai ekonomi, pelaburan dan kontrak, serta akses ke pasaran dan ekuiti asing, yang mana boleh

meningkatkan daya saing tempatan, serantau dan global.

Setakat ini, sejumlah 17 PKS Bumiputera telah dikenal pasti dan kini terlibat secara aktif dalam latihan dan bimbingan perniagaan. Sebanyak 3 PKS telah dipadankan dengan syarikat-syarikat GLC yang akan menerima pelaburan dan suntikan ekuiti berjumlah RM22 juta daripada Lembaga Tabung Haji (TH) and Permodalan Nasional Berhad (PNB).



Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia bersama para peserta Program Local to Global Corporations (LGC) Ascend 800

4. SEMINAR IPO 2016: STAIRWAY TO LISTING

Seminar IPO 2016 ini telah dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia, Bursa Malaysia, MIDF dan TERAJU pada 25 Ogos 2016 untuk menyokong agenda Kerajaan dalam membantu PKS tempatan menjana modal dan meningkatkan profil pasaran.

Seminar ini bukan sahaja mendedahkan PKS kepada pelbagai prosedur penyenaian awam, tetapi juga memberi peluang eksklusif kepada mereka untuk berinteraksi dengan para pakar penyenaian.

Hasil daripada interaksi berkualiti dan kandungan berinformatif seminar, PKS kini menyedari bagaimana penyenaian boleh membantu syarikat memperoleh modal jangka panjang, mendapatkan syarat pinjaman lebih baik bagi kemudahan kredit, meningkatkan kebolehlihatan, mendapat akses lebih baik kepada pembiayaan modal teroka, dan juga meningkatkan daya saing di peringkat global.

Pada 2016, sejumlah 79 peserta daripada 52 syarikat telah menghadiri seminar berkenaan. Sejak dimulakan pada 2011, seramai 479 usahawan telah menyertai seminar ini. Di samping itu, sebanyak 21 PKS yang layak telah terpilih untuk menghadiri Klinik Penyenaiaan yang dikendalikan oleh Bursa Malaysia bagi memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai proses dan syarat penyenaiaan, terutamanya mengenai kelayakan, cabaran dan tawaran nilai penyenaiaan.

Setakat ini, sebanyak 3 PKS telah berjaya menyempurnakan tawaran awam awal (IPO) masing-masing, dengan nilai permodalan pasaran berjumlah hampir RM657 juta.

CAPAIAN



1. MINGGU PKS 2016





Minggu PKS merupakan platform dan peluang istimewa yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia untuk:

- Meningkatkan tahap kesedaran dan penerimaan masyarakat dan komuniti perniagaan Malaysia terhadap produk dan perkhidmatan PKS;

- Mengadakan rantaian perniagaan bagi mewujudkan kerjasama perniagaan dan peluang pelaburan untuk PKS;
- Menyalurkan maklumat kepada PKS mengenai bantuan dan sokongan Kerajaan yang terkini;
- Menggerakkan usahasama dan menggembeng penyertaan secara aktif daripada Kementerian dan Agensi berkaitan, rakan kerjasama dan pelabur berpotensi, serta pengguna dalam mempromosikan PKS serta produk dan perkhidmatan mereka; dan
- Memupuk budaya keusahawanan.

Minggu PKS tahunan ke-5 telah diadakan di seluruh negara dari 23 Mei hingga 3 Jun 2016 dan dilancarkan secara rasmi oleh Menteri MITI pada 28 Mei 2016 di Jeli, Kelantan. Sebanyak 2,677 PKS telah menyertai acara pameran yang merupakan peningkatan 203.7% berbanding dengan 1,314 PKS yang mengambil bahagian pada 2015. Bilangan aktiviti yang dilaksanakan meningkat 173.2% dengan 291 aktiviti berbanding 168 aktiviti pada 2015. Secara keseluruhan, sejumlah 484,934 peserta dan pengunjung telah mendapat manfaat daripada pelbagai seminar, bengkel, forum, taklimat dan rundingan yang dijalankan sepanjang program - satu peningkatan sebanyak 140.7% berbanding 344,709 peserta dan pengunjung pada 2015.

Dari sudut komersial, Minggu PKS 2016 telah mencatat peningkatan jualan sebanyak 226.9%, iaitu dari RM3.64 juta pada 2015 ke RM8.26 juta. Di samping itu, Sesi Pepadanan Perniagaan telah menjana potensi jualan berjumlah RM72.8 juta, yang merupakan kenaikan 121.3% berbanding RM60.03 juta pada 2015. Minggu PKS 2016 juga telah mencatat peningkatan dari segi bilangan gerai pameran dan aktiviti yang dianjurkan.

 PENCAPAIAN	 MINGGU PKS 2015	 MINGGU PKS 2016	 PENINGKATAN PADA 2016
Bilangan Aktiviti	168	291	173.2%
Jualan	RM3.64 juta	RM8.26 juta	226.9%
Potensi Jualan	RM60.03 juta	RM72.8 juta	121.3%
Bilangan Peserta Pameran	1,314	2,677	203.7%
Bilangan Peserta & Pengunjung	344,709	484,934	140.7%

MINGGU PKS 2016: 'MULA BERDIKIT, AZAM MELANGIT'

Sejajar dengan rekod kejayaannya, Minggu PKS 2016 telah dianjurkan dengan sokongan pelbagai Kementerian dan Agensi, Kerajaan Negeri, GLC, PKS, sektor swasta, MNC, dewan perniagaan, persatuan industri, sekolah, institusi pengajian tinggi, institusi kewangan, pasar raya besar dan media. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Minggu PKS termasuk pameran, karnival jualan, sesi pemedanan dan jaringan perniagaan, seminar keusahawanan, bengkel, forum, taklimat dan rundingan, sesi perkongsian, sesi *Pocket Talk*, pengenalan perniagaan dan klinik keusahawanan.

Antara aktiviti utama Minggu PKS 2016 termasuk:

- **'Breakfast Talk with CEO':** Satu siri sesi perkongsian yang mengetengahkan Ketua Pegawai Eksekutif beberapa perniagaan tempatan terkemuka telah dianjurkan di 14 universiti awam dengan penyertaan 1,300 pelajar universiti.
- **Program Netpreneur:** Satu sesi khas bersama selebriti tempatan dan penceramah motivasi perniagaan, Fizo Omar, telah diadakan di 5 lokasi, yang memberi tumpuan terhadap inovasi perniagaan dan media sosial.
- **Kidd@Preneur, Teen@CEO dan Youth@Millionaire:** Program istimewa mengenai keusahawanan ini telah dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, GIATMARA Malaysia, Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (CEDAR) dan Persatuan Peruncit Bumiputra Malaysia (BRO). Program-program tersebut bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keusahawanan di kalangan generasi muda, iaitu para pelajar dari sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan universiti.
- **Minggu PKS@Pesta Trak Makanan KL:** Diadakan pada 4-5 Jun 2016 di Dataran Merdeka, acara ini yang juga memaparkan Klinik Trak Makanan, telah mencatat kejayaan besar dengan penyertaan menggalakkan 132 trak makanan. Di samping itu, Bengkel Trak Makanan telah dikendalikan pada 4 Jun 2016 di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk usahawan mempelajari perniagaan trak makanan, serta akses kepada pelbagai perkhidmatan sokongan yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi pengusaha trak makanan.
- **Sesi Pemedanan Perniagaan:** Beberapa sesi jaringan telah dianjurkan bagi membuka peluang untuk usahawan dan PKS tempatan mewujudkan rantaian bekalan dengan pasar raya tempatan, pasar raya besar, MNC dan GLC yang beroperasi di pelbagai negeri.
- **Program Jejak PKS:** Dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PKS tempatan serta produk dan perkhidmatan mereka, wakil daripada media elektronik dan cetak telah dipelawa menjelajahi 5 negeri untuk mengunjungi 11 PKS yang berjaya dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Aktiviti jelajah tersebut telah membantu pihak media untuk memahami landskap PKS di Malaysia dan peranan SME Corp. Malaysia serta Agensi Kerajaan lain, dalam usaha menggalakkan pembangunan PKS. Dengan penyertaan aktif wakil media daripada Bernama, Kosmo, RTM, Utusan Malaysia, Berita Harian dan Harian Metro, inisiatif tersebut telah mendapat liputan media yang luas dan meningkatkan kesedaran awam.



Menteri MITI di Majlis Pelancaran Minggu PKS 2016 di Jeli, Kelantan



2. PUSAT RUJUKAN SETEMPAT (ORC)


Sejak diwujudkan pada 2011, Pusat Rujukan Setempat (ORC) SME Corp. Malaysia merupakan pusat bantuan dan sumber bagi kelompok penting PKS di seluruh negara, memperlengkapkan mereka dengan maklumat dan pengetahuan khusus bagi menyokong pembangunan mereka. ORC yang terletak di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia di Kuala Lumpur, berfungsi sebagai 'pusat sehenti' bagi khidmat nasihat perniagaan, menyebarkan maklumat yang relevan mengenai bantuan dan sokongan Kerajaan untuk PKS dan menyediakan saluran bagi maklum balas berkaitan isu-isu PKS. ORC juga bertindak sebagai badan pengantaraan bagi komuniti tempatan dan antarabangsa dalam hal-ehwal berkaitan PKS.

Dengan kira-kira 400 pengunjung setiap bulan, ORC adalah pusat tumpuan utama bagi PKS dan usahawan mendapatkan pengetahuan dan sokongan perniagaan, mempelajari amalan terbaik perniagaan, dan memperoleh maklumat penting mengenai pelbagai aspek perniagaan, termasuk memulakan perniagaan, program pembangunan, insentif, sumber kewangan, akses pasaran dan pengetahuan industri.

Rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan di ORC termasuk Khidmat Nasihat Perniagaan, Pautan ORC (Kaunter maklumat Kementerian, Agensi, bank, institusi kewangan pembangunan dan persatuan), *Pocket Talk*, Pusat Maklumat (Emel Info, Talian Info), Pusat Sumber, Galeri Produk PKS dan ORC Maya (laman web SME Corp. Malaysia, Portal Maklumat PKS).

Pada 2016, ORC telah mencatat seramai 4,530 pengunjung - 2,132 di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan 2,398 di Pejabat Negeri, yang bertindak sebagai ORC Mini. Pakar-pakar industri telah memberi penerangan kepada 1,027,853 peserta di 483 sesi *Pocket Talk* dan aktiviti capaian lain (termasuk kaunter maklumat di pelbagai pameran perdagangan), yang dianjurkan di seluruh negara. Sesi-sesi tersebut telah menyampaikan ilmu pengetahuan, wawasan dan idea mengenai pelbagai topik perniagaan semasa dan relevan kepada PKS dan usahawan, di samping khidmat nasihat yang disediakan oleh Kaunselor Perniagaan dan Jurulatih Perniagaan dari SME Corp. Malaysia, dan Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP).

STATUS CAPAIAN ORC PADA 2016




3. INISIATIF CAPAIAN MENERUSI PLATFORM DALAM TALIAN DAN MEDIA SOSIAL

Dalam memenuhi peranannya yang relevan di peringkat kebangsaan sebagai pemangkin pembangunan PKS, SME Corp. Malaysia terus meneroka idea baharu dan kaedah berinovatif bagi menyampaikan khidmat bantuan kepada kelompok penting PKS Malaysia dalam bentuk maklumat dan sumber yang akan membantu menjalinkan kerjasama dan meningkatkan pertumbuhan perniagaan. Di SME Corp. Malaysia, usaha tertumpu kepada penggunaan pelbagai platform dalam talian dan media sosial, termasuk Laman Web, Aplikasi Mudah

Alih, Facebook dan Twitter, bagi menyebarkan maklumat mengenai pelbagai inisiatif pembangunan, perkhidmatan, sokongan dan acara kepada PKS, serta program yang disediakan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi.

Pada 2016, usaha untuk menyalurkan maklumat penting menerusi pelbagai platform telah menjana hasil yang positif.

PLATFORM DALAM TALIAN DAN MEDIA SOSIAL 2016



4. APLIKASI MUDAH ALIH RASMI SME CORP. MALAYSIA

Aplikasi Mudah Alih Rasmi SME Corp. Malaysia dilancarkan pada 30 November 2015 dengan dua matlamat iaitu untuk memodenkan dan meningkatkan kecekapan penyampaian Kerajaan serta menggalakkan penglibatan usahawan generasi baharu dan PKS pintar digital. Platform mudah alih baharu ini membolehkan PKS memperoleh berita dan maklumat acara terkini berkaitan inisiatif dan aktiviti pembangunan PKS; maklumat mengenai pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kementerian dan Agensi yang berkaitan, dan juga bank. Menerusi Aplikasi Mudah Alih ini, PKS boleh menerima maklumat terkini dan pemberitahuan mengenai aktiviti dan program melalui telefon mudah alih mereka.

Aplikasi Mudah Alih ini mempunyai ciri interaktif dan maklumat yang berharga, membolehkan orang awam menggunakannya dengan mudah dan meningkatkan tahap kecekapan penyampaian Kerajaan.

Sejak dilancarkan sehingga Disember 2016, Aplikasi Mudah Alih ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan 750 muat turun setakat ini. Ianya juga telah menerima ulasan positif daripada pengguna dengan purata penarafan 4.9 daripada skala 5.

5. SESI *TOWN HALL* BERSAMA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pada 2016, SME Corp. Malaysia telah menganjurkan 6 Sesi *Town Hall* di 6 negeri, iaitu Sabah, Selangor, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Johor. Sesi tersebut dihadiri oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri MITI dan YB Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri MITI, dengan penyertaan PKS, Persatuan PKS, Dewan Perniagaan serta wakil daripada MITI dan Agensi lain yang berkaitan. Sesi *Town Hall* ini telah dihadiri oleh sejumlah 2,900 peserta.

Sesi *Town Hall* tersebut telah berjaya mencapai objektifnya untuk membolehkan Kerajaan berdialog dengan PKS di seluruh negara bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam pembangunan negara. Ianya telah:

- Membolehkan PKS lebih memahami aspirasi Kerajaan untuk membangun PKS yang dinamik dan berjaya;
- Mewujudkan kesedaran di kalangan PKS mengenai peranan, fungsi, bantuan dan sokongan yang disediakan Kerajaan untuk pembangunan PKS;
- Menggalakkan PKS untuk menyertai pelbagai program dan inisiatif Kerajaan;
- Memberi peluang kepada PKS untuk mengetengahkan masalah dan kebimbangan mereka serta memperoleh maklumat dan jaminan secara terus daripada pegawai tertinggi Kerajaan; dan
- Membolehkan Kerajaan memahami dengan lebih jelas cabaran dan isu yang dihadapi oleh PKS agar Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah wajar untuk mengatasinya.



Menteri MITI di Sesi *Town Hall* di Kota Bharu, Kelantan

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



1. ANUGERAH ENTERPRIS 50 (E50) 2016

Anugerah Enterpris 50 (E50) adalah program anugerah tahunan berprestij yang meraikan pencapaian cemerlang 50 PKS berdaya usaha di Malaysia. Anugerah E50 telah diperkenalkan atas dasar bahawa apabila perniagaan individu atau kelompok penting PKS menunjukkan potensi dan menyumbang kepada produktiviti dan pertumbuhan negara, satu mekanisme yang berdaya maju untuk menilai dan mengiktiraf PKS dan usahawan adalah perlu demi pembaharuan positif dan kemajuan ekonomi.

Dalam tempoh 2 dekad sejak dilancarkan pada 1997, Anugerah E50 telah mendapat perakuan industri sebagai salah satu anugerah yang paling dihargai dan berwibawa bagi mempromosi dan menonjolkan perusahaan yang berinovatif, berdaya saing dan berdaya tahan, memaparkan kepimpinan mereka bukan sahaja sebagai perusahaan yang berjaya, tetapi sebagai aset negara yang produktif dan pemain global.

Sempena penganjurannya yang ke-19, Anugerah E50 dengan tema tahunannya 'Meraikan Semangat Keusahawanan Malaysia',

telah dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia dan Deloitte Malaysia, dengan sokongan organisasi berwibawa, iaitu Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), RHB Bank Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Media Prima Berhad dan Malaysia SME.

Anugerah E50 2016 telah menerima sejumlah 102 pencalonan. Tahap penyertaan lebih tinggi dilihat daripada sektor Pembuatan, iaitu sebanyak 52.1%. Penyertaan daripada Perkhidmatan Profesional, Runcit & Borong, dan ICT masing-masing adalah pada kadar 13.7%, 6.8% dan 2.7%. Sejumlah 73 pencalonan telah disenarai pendek di mana penilaian dibuat adalah berdasarkan parameter kewangan dan bukan kewangan yang utama.

Sehingga kini, sebanyak 1,927 syarikat telah menyertai Anugerah E50. Alumni Anugerah E50 terdiri daripada 664 pemenang, di mana 60 telah disenaraikan di Bursa Malaysia - 46 syarikat di Pasaran Utama dan 14 syarikat di Pasaran ACE. Kira-kira 70% daripada pemenang E50 2016 telah meneroka pasaran eksport.



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merasmikan Majlis Makan Malam Anugerah E50 2016 di Kuala Lumpur



Pemenang utama Anugerah E50 2016, IX Telecom Sdn. Bhd. menerima trofi dan sijil daripada Timbalan Perdana Menteri

'Anugerah Usahawan Wanita E50' Pertama

Satu kategori anugerah baharu - 'Anugerah Usahawan Wanita E50' - telah diperkenalkan pada 2016, bagi memberi pengiktirafan sewajarnya kepada usahawan wanita di atas pencapaian cemerlang dan sumbangan besar mereka dalam industri. Anugerah ini juga bertujuan untuk menonjolkan perniagaan milikan wanita sebagai perniagaan contoh, yang menetapkan standard pencapaian untuk disaingi oleh semua syarikat lain, tanpa mengira jantina pemilikan. Ini merupakan satu perkembangan yang menggalakkan terutamanya kerana bilangan penyertaan syarikat yang dimiliki oleh usahawan wanita telah meningkat daripada 16% kepada 25% dalam E50 2016, dan 14% daripada pemenang adalah PKS milikan wanita. Pemenang 'Anugerah Usahawan Wanita E50' buat julung kalinya ialah Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd.



10 Pemenang Teratas Anugerah E50 2016

IX Telecom Sdn. Bhd. - **Pemenang Utama**

Hexa Food Sdn. Bhd.

Top-Mech Provincial Sdn. Bhd.

Koyoko M P Sdn. Bhd.

PRM Foods & Marketing Sdn. Bhd.

Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd.

ST Tiew Dental Group Sdn. Bhd.

Sin Sing Coffee Sdn. Bhd.

Exis Tech Sdn. Bhd.

My CO2 Sdn. Bhd.



Pengasas Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd. menerima 'Anugerah Usahawan Wanita E50' pertama daripada Timbalan Perdana Menteri

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN WANITA

1. PANEL KEUSAHAWANAN DAN PERUSAHAAN MIKRO

Panel Keusahawanan dan Perusahaan Mikro telah ditubuhkan pada 2016 sebagai badan penasihat bagi membantu SME Corp. Malaysia merangka dan melaksanakan program berkaitan pembangunan keusahawanan dan Perusahaan Mikro. Panel ini bertujuan untuk memberi tumpuan terhadap kumpulan khusus termasuk usahawan wanita.

Panel ini terdiri daripada 20 wakil dari sektor awam dan swasta yang bersidang untuk membincangkan dasar dan program berkaitan yang perlu bagi memenuhi keperluan dan kepentingan kumpulan sasaran.

2. SESI DIALOG DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA PRESIDEN PERSATUAN-PERSATUAN USAHAWAN WANITA

SME Corp. Malaysia berusaha untuk menyediakan platform berinovatif bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengetahuan dan wawasan untuk mendorong tahap penyertaan lebih tinggi di kalangan usahawan wanita dalam perniagaan serta masyarakat. Bagi memenuhi matlamat ini, satu siri dialog dan sesi perkongsian maklumat telah diadakan sejak beberapa tahun lepas dengan Presiden pelbagai Persatuan Usahawan Wanita. Dipengerusikan oleh Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, satu sesi dialog telah dianjurkan pada 2016 untuk membincangkan pelbagai isu penting berkaitan dengan pembangunan usahawan wanita di Malaysia.



Para peserta merakamkan gambar kenangan di Sesi Dialog dan Perkongsian Maklumat

KERJASAMA ANTARABANGSA

“Malaysia menjadi contoh bagi rantau ini dan juga beberapa negara maju dengan adanya pelan induk pembangunan PKS yang progresif dan amat pragmatik. Strategi kami telah mewujudkan peluang serantau dan global baharu untuk PKS tempatan, yang kini dianggap sebagai entiti perniagaan yang berwibawa dan berdaya saing oleh peserta antarabangsa. Usaha kami bukan sahaja diiktiraf di luar Malaysia, malah yang lebih menggalakkan ialah kesanggupan negara-negara lain untuk berganding bahu bersama kami serta bertukar-tukar idea dan program bagi memenuhi agenda pembangunan PKS.”

Sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia juga merupakan saluran suara PKS dan para penyokong pertumbuhannya di platform-platform antarabangsa, seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Selama ini, SME Corp. Malaysia bukan sahaja berkongsi program dan piawaian perintisnya di forum-forum antarabangsa ini, tetapi juga berjaya menarik perhatian pelbagai badan antarabangsa yang ingin mengkaji Pelan Induk PKS (2012-2020), serta meneroka potensi kerjasama bagi program serantau dan global untuk PKS.

1. PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

SME Corp. Malaysia berhasrat untuk menghubungkan PKS Malaysia dengan pelbagai peluang meluas yang wujud di rantau ASEAN, dan ini bermakna bekerjasama dengan PKS serantau bagi memanfaatkan potensi besar Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Antara inisiatif utama yang dilaksanakan pada 2016 di peringkat ASEAN adalah:

- Mesyuarat Ke-18 Kumpulan Kerja Kerjasama Ekonomi (WGEC) bagi ASEAN-KOREA FTA (2-4 Februari 2016) (Seoul, Korea Selatan);
- Dialog Dasar Antara Tunggak ASEAN Mengenai Kesan Integrasi Ekonomi ASEAN dalam Sektor Buruh oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia (21 Mac 2016 (Kuala Lumpur, Malaysia));
- Kumpulan Kerja Kerjasama Ekonomi dan Teknikal bagi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-China (11-13 Mei 2016) (Jakarta, Indonesia);
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) Pertama dan Mesyuarat Berkaitan (30 Mei-3 Jun 2016) (Singapura);
- Bengkel Pengesahan ASEAN Mengenai 'Memulakan Perniagaan' (13 Jun 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Program Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN-Jepun (AJWELP) (22-23 November 2016) (Manila, Filipina); dan
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) Ke-2 dan Mesyuarat Berkaitan (21-25 November 2016) (Brunei Darussalam).

2. KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC)

Sebagai institusi peneraju bagi pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia adalah agensi utama bagi Kumpulan Kerja PKS APEC (SMEWG) yang berperanan untuk mempertimbangkan dan merangka inisiatif bagi manfaat PKS merentasi semua negara ekonomi APEC. SME Corp. Malaysia bukan sahaja berkongsi strateginya yang terbukti dan teruji, tetapi juga mengerah sokongan bagi penyertaan aktif wakil sektor awam dan swasta Malaysia yang berkaitan dalam pelbagai program APEC. Matlamatnya adalah untuk menyumbang pengetahuan dan memperolehi wawasan baharu, serta menimba pengalaman dalam membangunkan dasar dan program pembangunan PKS pada masa hadapan.

Berpandukan wawasan untuk membangunkan PKS yang progresif, platform berharga yang disediakan oleh APEC memberi peluang besar kepada Malaysia untuk mempelajari dasar dan amalan terbaik, di samping mengenal pasti sinergi di kalangan PKS tempatan dan serantau bagi membentuk kerjasama perniagaan. Antara pelbagai inisiatif APEC yang dilaksanakan pada 2016, yang paling relevan bagi pembangunan PKS Malaysia adalah:

- Dialog Awam-Swasta APEC: Mengetahui Pasti dan Menangani Kerumitan dan Cabaran yang Menghalang PKS daripada Meraih Manfaat dan Kelebihan Perdagangan RTA/FTA di Rantau APEC (7-8 Januari 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Bengkel APEC: Menggalakkan Penyertaan PKS dalam Rantaian Nilai Global Tekstil dan Pakaian (29-30 Mac 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Bengkel APEC: Meningkatkan Akses Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana kepada Ekonomi Digital (25 April 2016) (Ho Chi Minh, Viet Nam);
- Bengkel APEC: Menggalakkan Penyertaan PKS dalam Rantaian Bekalan Makanan (26-27 Mei 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Forum dan Bengkel Sumbang Saran APEC: Menghijaukan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana - Laluan ke Arah Pertumbuhan Ekonomi Mampan di Rantau APEC (12-13 Julai 2016) (Bangkok, Thailand);

- Bengkel APEC: Menggalakkan Integrasi PKS ke dalam Pasaran Barangan dan Perkhidmatan Alam Sekitar Serantau dan Global (EGS) (28-29 Julai 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Bengkel APEC: Pembangunan Kapasiti Etika Perniagaan bagi PKS - Peranti Biofarmaseutikal dan Perubatan, Pembinaan dan Kejuruteraan (5-6 September 2016) (Lima, Peru);
- Bengkel APEC: Menambah Baik Persekitaran Dasar bagi Menggalakkan Penyertaan PKS dalam Pasaran Produk Cepak Tenaga (13-14 Oktober 2016) (Hanoi, Viet Nam);
- Indeks Model Pengantarabangsaan PKS APEC - Forum Pembangunan dan Aplikasi (18 November 2016) (Seoul, Korea Selatan); dan
- Dialog Dasar Peringkat Tinggi APEC Mengenai Pasaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana & Forum Dalam Talian ke Luar Talian (28-29 November 2016) (Borocay, Filipina).

3. INISIATIF EKONOMI DAN KERJASAMA TEKNIKAL

Memandang hakikat bahawa sebahagian besar daripada entiti perniagaan di kebanyakan negara adalah PKS, Pelan Induk PKS Malaysia telah mendapat perakuan sebagai penanda aras bagi membolehkan pembangunan PKS yang mampan. Menerusi pelbagai saluran diplomatik, SME Corp. Malaysia telah menerima berbagai permintaan untuk bekerjasama dalam bidang pemindahan pengetahuan, pembangunan program dan inisiatif PKS yang khusus.

Program Latihan Negara Ketiga (TCTP): Pembangunan PKS bagi Negara-Negara Afrika

Sejajar dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk menjalin kerjasama serantau dan sub-serantau, terutamanya di kalangan negara membangun, SME Corp. Malaysia telah memperkenalkan program latihan teknikal pada 2006 di bawah naungan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan Program Latihan Negara Ketiga (TCTP). TCTP bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat dan pengalaman dalam merangka dan melaksanakan dasar dan inisiatif pembangunan PKS.

SME Corp. Malaysia telah berjaya menganjurkan TCTP dari 21 September hingga 4 Oktober 2016 di Kuala Lumpur, dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Agensi Kerjasama

Antarabangsa Jepun (JICA) Malaysia. Seramai 14 peserta dari 9 negara Afrika iaitu Botswana, Ethiopia, Ghana, Kenya, Mauritius, Afrika Selatan, Nigeria, Namibia dan Uganda, yang mewakili pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan dengan pembangunan PKS di negara masing-masing, telah menjalani latihan tersebut.

Setakat ini, sejumlah 96 peserta, yang mewakili pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan dengan pembangunan PKS dari 15 negara Afrika, telah menghadiri program latihan ini.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara SME Corp. Malaysia dan Agensi Pembangunan Perusahaan Kecil (SEDA), Afrika Selatan

MoU antara SME Corp. Malaysia dan Agensi Pembangunan Perusahaan Kecil (SEDA), sebuah agensi di bawah Jabatan Perdagangan dan Industri (DTI) Afrika Selatan, telah dimeterai di Pameran Tahunan PKS - SMIDEX 2016 pada 18 Mei 2016 di Kuala Lumpur.

Objektif MoU ini adalah bagi membentuk kerjasama dan usaha sama dalam bidang latihan dan pembangunan kapasiti untuk penasihat dan pengamal perniagaan, perkongsian amalan terbaik berkaitan peranan penyelarasan SME Corp. Malaysia, serta pembangunan dan pelaksanaan program.

Pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) antara SME Corp. Malaysia dan SME Support, JAPAN

SME Corp. Malaysia telah memperbaharui MoU dengan Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau, JEPUN (SME Support, JAPAN) - sebuah agensi pentadbiran

bebas yang ditubuhkan dan wujud di bawah Akta Pertubuhan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau, JEPUN. MoU tersebut dimeterai di Pameran PKS Tahunan - SMIDEX 2016 pada 19 Mei 2016 di Kuala Lumpur.

MoU ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dalam aspek dasar, kepakaran dan maklumat berkaitan pembangunan PKS di Malaysia dan Jepun, serta menjalin jaringan perniagaan, rantaian perindustrian dan kerjasama lain antara SME Corp. Malaysia dan SME Support, JAPAN atas dasar kesamaan dan manfaat bersama.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara SME Corp. Malaysia dan Perusahaan Darussalam (DARe), Brunei Darussalam

MoU dengan Perusahaan Darussalam (DARe), sebuah badan berkanun di bawah Jabatan Tenaga dan Industri, Pejabat Perdana Menteri (EIDPMO), telah dimeterai pada 27 November 2016 di Jerudong, Brunei Darussalam.

Matlamat MoU ini adalah bagi menggalakkan dan mempromosi kerjasama berkaitan hal-ehwal dasar, kepakaran dan maklumat berkaitan pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Malaysia dan Brunei Darussalam. Di samping itu, MoU tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan jaringan perniagaan, rantaian perindustrian dan kerjasama teknikal lain antara SME Corp. Malaysia dan DARe.

4. INISIATIF KERJASAMA ANTARABANGSA LAIN

Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Malaysia-Taiwan (MTECC)

Mesyuarat Kumpulan Kerja Pembangunan PKS Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Malaysia-Taiwan (MTECC) Pertama telah berjaya diadakan pada 25 April 2016 di Ho Chi Minh City, Viet Nam. Kedua-dua Malaysia dan Taiwan memperaku 3 bidang utama bagi kerjasama pembangunan PKS, iaitu pertukaran dan perkongsian maklumat mengenai program dan perkhidmatan PKS, kerjasama dalam rangkaian inkubator dan pemecut, serta pembangunan kapasiti.

Persidangan Dunia Tahunan Majlis Perniagaan Kecil Antarabangsa (ICSB) Ke-61

ICSB 2016 memberi tumpuan terhadap peranan keusahawanan dan inovasi dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) masyarakat. Pelbagai NGO terkemuka, cendekiawan, usahawan sosial dan penggubal dasar telah berhimpun di Persidangan Dunia Tahunan Majlis Perniagaan Kecil Antarabangsa (ICSB) Ke-61, yang diadakan pada 15-18 Jun 2016 di New York, Amerika Syarikat (AS). Objektif persidangan ini ialah untuk berkongsi pengetahuan praktikal dan penyelidikan teori; membincangkan isu semasa bagi menentukan keutamaan masa hadapan; dan merapatkan jurang maklumat bagi membantu usahawan memahami program dan peluang ke arah mencapai perubahan transformasi.

Datuk (Dr.) Hafsah Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, telah berkongsi kisah pembangunan PKS Malaysia di persidangan tersebut, yang dihadiri oleh peserta dari lebih 55 negara. Beliau menyampaikan pembentangan mengenai 'Kepentingan PKS dan Keusahawanan dalam Proses Membangunkan Negara' semasa sesi 'Mendorong Keterlibatan PKS Demi Pertumbuhan dan Kemakmuran' di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 16 Jun 2016. PBB secara khusus menyokong pembentukan dasar bagi menggalakkan pertumbuhan PKS memandangkan perniagaan telah menjadikan dunia lebih mampan dengan mewujudkan pekerjaan yang lebih baik, lebih kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dan masyarakat yang lebih terangkum.

Mesyuarat Meja Bulat PKS Asia Timur Ke-11 (EASRTM)

Mesyuarat Meja Bulat PKS Asia Timur (EASRTM) mula dianjurkan pada 2006 oleh Pengerusi Pertubuhan untuk Perniagaan Kecil & Sederhana dan Inovasi Serantau, JEPUN (SME Support, JAPAN), dengan tujuan untuk mewujudkan platform bagi membolehkan agensi pembangunan PKS dari rantau Asia Timur berkongsi maklumat mengenai persekitaran perniagaan dan memulakan usaha bagi mencapai matlamat bersama.

EASRTM Ke-11 telah diadakan pada 10-11 Mac 2016 di Hokkaido, Jepun. Ianya telah dianjurkan oleh SME Support, JAPAN dengan penyertaan dari Pejabat Promosi PKS (OSMEP), Thailand; Perbadanan Perniagaan Kecil dan Sederhana (SBC), Korea; Agensi Pembangunan Perusahaan (AED), Kementerian Perancangan dan Pelaburan, Viet Nam; dan SME Corp. Malaysia.

Seminar 'PKS Malaysia: Merentasi Sempadan'

Seminar 'PKS Malaysia: Merentasi Sempadan' telah dianjurkan pada 6 Oktober 2016 oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama United Parcel Services (UPS) Inc. dan Majlis Perniagaan AS-ASEAN. Tumpuan seminar ini adalah bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran di kalangan PKS dalam usaha 'Memandu Arah Perniagaan Melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)' dengan matlamat untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam rantaian nilai global dan pasaran eksport.

Seminar tersebut telah mencetuskan dialog antara pemilik perniagaan kecil, sektor swasta dan wakil Kerajaan, untuk membantu pihak-pihak berkepentingan memahami isu-isu utama perdagangan rentas sempadan, kajian kes peringkat firma dan amalan terbaik. Salah satu perkara penting yang diketengahkan di seminar ini adalah PKS Malaysia boleh meraih banyak manfaat daripada perdagangan intra-Asia, yang dijangka akan dipacu oleh golongan kelas pertengahan Asia yang semakin besar.

Persidangan Pembekal: MNC dan Pembangunan serta Peluang Rantaian Bekalan PKS

Persidangan Pembekal mengenai MNC dan Pembangunan serta Peluang Rantaian Bekalan PKS dianjurkan bersama oleh MITI dan Agensinya, dengan kerjasama MIDA sebagai agensi penyelarasan utama. Diadakan pada 15 Disember 2016 dengan dirasmikan oleh Menteri MITI,

persidangan tersebut merupakan platform bagi MNC berkongsi inisiatif mereka yang boleh membantu PKS menceburi pasaran global dan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global.

Sebanyak 3 Sesi Pleno telah dikendalikan di persidangan tersebut, di mana SME Corp. Malaysia telah diberi kepercayaan untuk mengetuai Sesi Pleno 'Memupuk Pembekal Tempatan dalam Industri Aeroangkasa'. Beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh PKS dalam industri aeroangkasa telah dibangkitkan oleh ahli-ahli panel semasa sesi tersebut, termasuk isu berkaitan modal insan, keupayaan PKS, daya saing kos, pensijilan dan juga rekod pencapaian perniagaan.

Dua lagi Sesi Pleno telah diadakan, iaitu mengenai 'Penerapan Pembuatan Pintar dalam Industri Elektrik & Elektronik' yang dipimpin oleh MIDA, dan 'Rantaian Positif antara MNC & Syarikat-Syarikat Malaysia (PKS) dalam Industri Makanan' yang diketuai oleh MATRADE.

Hubungan Dua Hala Lain

Sepanjang 2016, SME Corp. Malaysia telah menerima sejumlah 29 kunjungan antarabangsa dari 29 negara, iaitu Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia, Bangladesh, Botswana, Brunei, Congo, Emiriah Arab Bersatu, Ethiopia, Fiji, Ghana, Jepun, Kenya, Korea Selatan, Kuwait, Lao PDR, Malawi, Mesir, Nigeria, Republik Tunisia, Singapura, Switzerland, Tanzania, Thailand, Uganda, Vietnam, Zambia dan Zimbabwe. Matlamat utama kunjungan berkenaan adalah untuk berkongsi amalan terbaik dan dasar pembangunan PKS, serta meneroka peluang kerjasama yang boleh dijalin antara Malaysia dan negara-negara pengunjung.

The background of the page is a blue-tinted photograph of an office desk. On the desk, there is a laptop, a pair of glasses, and some papers. The text 'LAPORAN KEWANGAN' is centered over the image.

LAPORAN KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar, Laporan Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus serta Penyata Prestasi Bajet Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana 1995 (Akta 539).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana 1995 (Akta 539). Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana 1995 (Akta 539), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia telah menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Perbadanan terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(LIM SOK KIANG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
19 JUN 2017




PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA****PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN**

Kami, Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid dan En. Koong Lin Loong, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Perbadanan, kepada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia ('Perbadanan'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar, Laporan Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus dan Penyata Prestasi Bajet Perbelanjaan Pembangunan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Perbadanan



TAN SRI IR. (DR.) MOHAMED AL AMIN HJ. ABDUL MAJID
PENERUSI



EN. KOONG LIN LOONG
AHLI PERBADANAN

Kuala Lumpur

13 JUN 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

Saya, Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod–rekod perakaunan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar, Laporan Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus dan Penyata Prestasi Bajet Perbelanjaan Pembangunan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik–baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

DATUK (DR.) HAFSAH HASHIM

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada **13 JUN 2017** di hadapan saya.



42A, PERSIARAN ARA KIRI,
LUCKY GARDEN, BANGSAR,
59100, KUALA LUMPUR.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 (RM)	2015 (RM)
ASET			DINYATAKAN SEMULA
ASET SEMASA			
Tunai di Tangan dan di Bank		2,679,070	27,648,369
Simpanan Tetap dengan Bank-bank Berlesen		316,608,486	382,623,747
Pelbagai Penghutang	3	144,731,719	1,651,124
Deposit dan Prabayar	4	1,931,672	1,976,418
		<u>465,950,947</u>	<u>413,899,658</u>
ASET TETAP			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	2,220,066	2,068,459
		<u>2,220,066</u>	<u>2,068,459</u>
JUMLAH ASET		<u>468,171,013</u>	<u>415,968,117</u>
LIABILITI			
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang		-	69
Peruntukan Hapus Kira		-	340
Perbelanjaan Terakru		2,630,468	4,205,127
Dana SEED	6	682,701	2,215,459
Deposit Pelbagai	7	1,060,998	198,810
		<u>4,374,167</u>	<u>6,619,805</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	8	1,680,768	1,297,231
Dana Skim Patuh Syariah	9	2,304,204	8,959,573
		<u>3,984,972</u>	<u>10,256,804</u>
GERAN TERTUNDA			
Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)	10	46,835,427	-
Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10)		295,762,233	203,982,032
Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9)		-	18,846,149
Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP)		2,508,432	2,508,432
Dana Pakej Rangsangan		-	1,595,144
Lain-lain Dana Pembangunan	11	87,545,323	140,941,681
		<u>432,651,415</u>	<u>367,873,438</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>441,010,554</u>	<u>384,750,047</u>
DIBIAYAI OLEH :			
Dana Terkumpul		<u>27,160,459</u>	<u>31,218,070</u>
		<u>468,171,013</u>	<u>415,968,117</u>

Nota-nota dinyatakan di mukasurat 93 hingga 103 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, 1995)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 (RM)	2015 (RM) DINYATAKAN SEMULA
PENDAPATAN			
PENDAPATAN BUKAN PERTUKARAN			
Geran dari Kerajaan Persekutuan	12	53,701,800	38,336,700
Geran Pembangunan Direalisasi		110,397,023	178,780,024
		164,098,823	217,116,724
PENDAPATAN PERTUKARAN			
Sumbangan Agensi Lain	13	28,000	-
Sumbangan Swasta	14	947,512	1,819,772
Faedah		14,976,143	16,407,704
Sewa		97,100	108,000
Lain-lain Pendapatan	15	217,285	71,541
		16,266,040	18,407,017
JUMLAH PENDAPATAN		180,364,863	235,523,741
PERBELANJAAN			
Emolumen	16	25,549,637	25,920,138
Perkhidmatan dan Bekalan			
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		476,372	318,445
Bekalan dan Pembaikan		81,762	93,649
Pengangkutan dan Barang-barang		68,721	81,919
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		999,340	1,699,399
Perhubungan dan Utiliti		605,919	867,849
Perjalanan dan Sara Hidup		1,102,953	1,766,366
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		11,001,925	21,070,632
Sewaan		30,756,347	29,870,033
Perbelanjaan Pelbagai			
Pemberian dalam Negeri		86,580	127,642
Perbelanjaan Lain		2,359,522	1,830,899
Perbelanjaan Pembangunan	10	110,397,023	178,780,024
Lain-lain Perbelanjaan			
Hutang Ragu/Hapus kira		-	94,260
Pelupusan Aset		96	7
